

MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (DOMESTIK) 2020**SUSUNAN PROSEDUR****BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Prosedur		Muka surat
1.	Tajuk ringkas dan pemakaian	1
2.	Singkatan	1
3.	Tafsiran	2

**BAHAGIAN II
PERMOHONAN**

4.	Skim pensijilan	10
5.	Syarat dan kriteria permohonan	10
6.	Tidak layak memohon	11

**BAHAGIAN III
FI**

7.	Pemprosesan	13
8.	Pensijilan produk dan perkhidmatan	13
9.	Pensijilan premis makanan	14
10.	Penambahan menu	15
11.	Cetakan poster logo halal	15
12.	Pensijilan rumah sembelihan	15
13.	Cetakan semula sijil	16
14.	Nota konsainan	16
15.	Pembayaran	16
16.	Pengecualian	17

**BAHAGIAN IV
KEPERLUAN PENSIJILAN**

17.	Keperluan umum	18
18.	Keperluan khusus	30
19.	Sistem Kawalan Halal Dalaman	54
20.	Sistem Jaminan Halal	55

**BAHAGIAN V
PROSEDUR PERMOHONAN**

21.	Baharu	56
22.	Pembaharuan	60
23.	Penambahan	62
24.	Penggabungan	63

**BAHAGIAN VI
PENGAUDITAN**

25.	Pemakluman	64
26.	Skop	64
27.	Pengauditan kecukupan	65
28.	Pengauditan lapangan	66
29.	Pengauditan susulan	68
30.	Ketidakakuran	68

**BAHAGIAN VII
PEMANTAUAN**

31.	Jenis pemantauan	70
32.	Kategori ketidakakuran	71
33.	Tindakan	76

**BAHAGIAN VIII
SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA**

34.	Pengeluaran sijil	79
35.	Tempoh sah laku	79
36.	Syarat penggunaan	80
37.	Pindaan maklumat	81
38.	Hilang atau rosak	81
39.	Pembatalan	82

**BAHAGIAN IX
LOGO HALAL MALAYSIA**

40.	Bentuk dan ciri-ciri	83
41.	Syarat penggunaan	83

**BAHAGIAN X
PEGAWAI PEMERIKSA**

42.	Pelantikan	86
43.	Bidang kuasa	86
44.	Nilai dan etika	87

**BAHAGIAN XI
PANEL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA**

45.	Pelantikan	88
46.	Keahlian	88
47.	Kuorum	89
48.	Bidang kuasa	89
49.	Penamatan	90
50.	Jawatankuasa kecil	90
51.	Panel rayuan	91

**BAHAGIAN XII
PENSAMPELAN**

52.	Jenis sampel	93
53.	Prosedur	93
54.	Kos	94
55.	Makmal analisis	94

**BAHAGIAN XIII
TANGGUNGJAWAB PEMEGANG SIJIL**

56.	Pematuhan undang-undang dan peraturan	95
-----	---------------------------------------	----

**BAHAGIAN XIV
PELBAGAI**

57.	Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia (ISPHM)	96
58.	Sertu	97
59.	Tauliah penyembelih	98
60.	Pengemaskinian maklumat sistem MYeHALAL	99
61.	Nota Konsainan	99
62.	Kuasa membuat prosedur	99
63.	Kewangan Islam	100
64.	Kerahsiaan	100
65.	Berkecuali	100
66.	Aduan	101

67.	Bantahan	101
68.	Rayuan	101
69.	Pengecualian	102
70.	Naskhah sahah	102
71.	Pembatalan	102

BAHAGIAN XV LAMPIRAN

LAMPIRAN A -	Nama dan jenama tidak halal atau sinonim produk tidak halal atau mengelirukan	103
LAMPIRAN B -	Ciri-ciri penentuan dapur hotel	105
LAMPIRAN C -	Garis panduan parameter pelalian (<i>stunning</i>)	106
LAMPIRAN D -	Carta alir Pensijilan Halal Malaysia	107
LAMPIRAN E -	Alamat perhubungan pihak berkuasa berwajib	108
LAMPIRAN F -	Ringkasan bahan mentah atau ramuan	110
LAMPIRAN G -	Sijil Pengesahan Halal Malaysia	111
LAMPIRAN H -	Templat nota konsainan	112
LAMPIRAN I -	Produk dan perkhidmatan kewangan Islam	113
Jawatankuasa Kerja Pembangunan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020		114

MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (DOMESTIK) 2020**BAHAGIAN I
PERMULAAN****1. TAJUK RINGKAS DAN PEMAKAIAN**

- (1) Dokumen ini hendaklah dinamakan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 (kemudian daripada ini disebut sebagai “Manual Prosedur”;
- (2) Manual Prosedur ini diterbitkan berdasarkan APD 2011 [Akta 730] melalui subperenggan 7(2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011;
- (3) Manual Prosedur ini hendaklah dirujuk dan diguna pakai kepada syarikat dan/ atau pemohon Pensijilan Halal Malaysia yang:
 - (a) berdaftar di dalam negara atau di luar negara; dan
 - (b) menjalankan perusahaan atau pengeluaran produk dan/ atau perkhidmatan di dalam negara.
- (4) Manual Prosedur ini hendaklah dirujuk dan dibaca bersama dengan Manual MHMS 2020, MS, fatwa, perundangan atau peraturan yang berkaitan dan pekeliling yang diguna pakai dalam Pensijilan Halal Malaysia;
- (5) Manual Prosedur ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa dalam Pensijilan Halal Malaysia; dan
- (6) Semua pihak yang terlibat dalam Pensijilan Halal Malaysia hendaklah mematuhi Manual Prosedur ini.

2. SINGKATAN

Bagi maksud Manual Prosedur ini, singkatan yang berikut hendaklah digunakan:

APD 2011	-	Akta Perihal Dagangan 2011
ASEAN	-	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara

BKKM	-	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
HACCP	-	<i>Hazard Analysis Critical Control Point</i>
HAS	-	<i>Halal Assurance System</i> (Sistem Jaminan Halal)
HPB	-	<i>Halal Professional Board</i> (Majlis Profesional Halal)
GHP	-	<i>Good Hygiene Practices</i>
GMP	-	<i>Good Manufacturing Practices</i>
GVHP	-	<i>Good Veterinary Hygiene Practice</i>
IHCS	-	<i>Internal Halal Control System</i> (Sistem Kawalan Halal Dalaman)
ISPHM	-	Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia
JAIN	-	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPV	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MDA	-	<i>Medical Device Authority</i> (Pihak Berkuasa Peranti Perubatan)
MHMS	-	<i>Malaysian Halal Management System</i> (Sistem Pengurusan Halal Malaysia)
MS	-	<i>Malaysian Standard</i>
NCR	-	<i>Non Conformance Report</i>
NPRA	-	<i>National Pharmaceutical Regulatory Agency</i> (Bahagian Regulatori Farmasi Negara)
OEM	-	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
PBKD	-	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
QAP	-	<i>Quality Assurance Programme</i>
R&D	-	<i>Research and Development</i>
SPHM	-	Sijil Pengesahan Halal Malaysia
VHM	-	<i>Veterinary Health Mark</i>

3. TAFSIRAN

Dalam Manual Prosedur ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**Air mutlak**” ertinya air yang suci dan dapat menyucikan benda lain serta boleh digunakan untuk wuduk, mandi wajib dan membersihkan najis. Air yang tidak dicemari oleh sesuatu yang najis sehingga mengubah bau, warna, dan rasa air tersebut. Contohnya air perigi, air sungai dan air laut.

“**ASEAN**” ertinya pertubuhan antara Kerajaan serantau yang terdiri daripada sepuluh (10) negara di Asia Tenggara iaitu Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Matlamat penubuhan ASEAN ialah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial, pembangunan budaya serta mempromosikan keamanan serantau dan bantuan mengenai hal-hal kepentingan bersama di rantau ini.

“**Bahan bantuan pemprosesan**” juga dikenali sebagai *processing aids*. Ertinya apa-apa bahan sampingan atau tambahan yang digunakan secara langsung dan/ atau tidak langsung dalam pemprosesan produk. Contohnya media pembiakan mikroorganisma, pelarut dan *bleaching earth*.

“**Bahan mentah**” ertinya ramuan atau sebarang bahan primer dan/ atau sekunder (termasuklah bahan bantuan pemprosesan) yang digunakan untuk menghasilkan produk.

“**Dapur berpusat**” ertinya tempat pemprosesan dan penyediaan makanan dan/ atau minuman halal untuk dibekal dan diedarkan kepada premis makanan seperti premis makanan berangkai dan premis bergerak. Lazimnya dapur berpusat akan menyediakan hidangan siap atau separa siap.

“**Dapur hotel**” ertinya tempat pemprosesan dan penyediaan makanan dan/ atau minuman halal di sesebuah hotel termasuklah dapur terbuka (*open kitchen*). Bilangan dapur hotel ditentukan berdasarkan kawasan atau ruang dapur yang memiliki laluan keluar masuk (*entry access*) yang khusus atau spesifik.

“**Eksekutif Halal**” ertinya individu yang bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan halal di sesebuah syarikat atau premis. Eksekutif Halal hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berikut:

- (1) Beragama Islam;
- (2) Warganegara Malaysia;
- (3) Berjawatan tetap;
- (4) Berkelulusan minimum Diploma Pengurusan Halal atau mana-mana kelulusan yang setaraf dengannya atau berpengalaman dalam pengurusan halal sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan
- (5) Memiliki Sijil Eksekutif Halal daripada Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah HPB JAKIM.

“**Fatwa**” ertinya apa-apa ketetapan hukum yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai agama Islam.

“**Halal**” ertinya perkara-perkara yang dibolehkan dan dibenarkan dalam Islam berdasarkan Hukum Syarak dan fatwa.

“**Hayah al-mustaqirrah**” ertinya keadaan haiwan sembelihan yang diyakini masih bernyawa. *Hayah al-mustaqirrah* boleh dikenal pasti apabila darah haiwan terpancut semasa disembelih atau adanya pergerakan haiwan tersebut.

“**Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia**” ertinya prosedur pengurusan permohonan dan pengeluaran SPHM dalam tempoh yang singkat berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa.

“**Jawatankuasa Halal Dalaman**” ertinya komiti yang dilantik secara rasmi dan bertulis oleh pengurusan tertinggi syarikat yang bertanggungjawab membangun, melaksana, memantau dan mengawal keberkesanan pelaksanaan HAS serta pematuhan terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

“**Kawasan pemprosesan**” ertinya meliputi kawasan penerimaan bahan mentah sehinggalah kawasan produk siap. Ini termasuklah kawasan penyimpanan bahan mentah dan produk siap, penampunan, penimbangan, penyediaan, pembuatan, pengilangan, pengeluaran, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, pengedaran, penyajian, penjualan dan lain lain proses berkaitan di sepanjang rantai penghasilan produk dan perkhidmatan.

“**Lot**” ertinya kawasan, blok atau bangunan yang dikhususkan untuk penggudangan halal sahaja. Lot tersebut hendaklah diasingkan secara fizikal dan ditandakan dengan jelas.

“**Manual Prosedur**” ertinya Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020.

“**Najis**” ertinya benda kotor seperti darah, air kencing dan tahi. Manakala dari segi Syarak bermaksud segala kekotoran yang menghalang sahnya solat. Najis juga dihuraikan sebagai bahan cemar yang menggugat kesihatan diri manusia dan alam sekitar. Pembahagian najis adalah seperti yang berikut:

- (1) Najis *mughallazah* (berat) iaitu anjing, babi termasuk sebarang cecair dan objek yang keluar dari rongga, keturunan dan sebarang jenis terbitan atau derivatif daripada keduanya;
- (2) Najis *mutawassitah* (pertengahan) iaitu selain daripada najis *mughallazah* dan najis *mukhaffafah* seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, tahi dan sebagainya; dan
- (3) Najis *mukhaffafah* (ringan) iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur dua (2) tahun dan ke bawah yang hanya menyusu susu ibu tanpa makanan lain.

“**Nota konsainan**” ertinya dokumen kontrak pengiriman antara pengeksport barangan dengan agensi pengangkutan (sama ada melalui darat, laut dan udara). Nota konsainan mempunyai maklumat terperinci berkenaan pengirim, pengangkutan, konsainan, bilangan bungkusan, berat, fizikal barang, arahan tertentu dan lain-lain.

“**Open kitchen**” juga dikenali sebagai *display kitchen/ show kitchen*. Ertinya ruang yang dikhususkan dan ditentukan untuk penyediaan makanan dan minuman halal secara terbuka di hadapan pelanggan seperti di restoran dan *coffee house*.

“**Pegawai pemeriksa**” ertinya individu yang kompeten dan dilantik oleh pihak berkuasa berwibawa untuk menjalankan proses pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.

“**Pekerja Muslim**” ertinya individu Muslim warganegara Malaysia atau bukan warganegara selain daripada Eksekutif Halal dan Penyelia Halal yang diambil bekerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan dan jumlahnya tertakluk kepada kategori industri dan skim Pensijilan Halal Malaysia.

“**Pembelian berpusat**” ertinya aktiviti perolehan dan pembelian secara berpusat untuk mengawal dan menyemak perbelanjaan syarikat di suatu lokasi (lazimnya terletak di ibu pejabat).

“**Pengendali makanan**” ertinya termasuklah mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan dan minuman; menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan; dan mengendalikan makanan yang berbungkus atau tidak dibungkus, atau perkakas dalam mana-mana premis pemprosesan atau penyediaan atau pengendalian makanan;

“Pengusaha atau pengeluar” ertinya pihak yang menjalankan perusahaan dan pengeluaran termasuklah pembuat, penghasil, pengilang, peniaga bagi sesuatu produk dan/ atau perkhidmatan.

“Penyelia Halal” ertinya individu Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap dan bertugas untuk menyelia di kawasan pemprosesan produk, perkhidmatan dan/ atau di bahagian pengurusan yang memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa.

“Penyembelihan” ertinya perbuatan menghilangkan nyawa haiwan yang halal dimakan oleh Muslim dengan memutuskan saluran pernafasan (halkum) dan saluran makanan (merih) serta kedua-dua *carotid artery* dan *jugular vein (wadajain)* menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah.

“Perkhidmatan logistik bersepadu” juga dikenali sebagai *integrated logistics services*. ertinya syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan, penggudangan, dan perkhidmatan tambah nilai yang berkaitan seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantai bekalan secara bersepadu.

“Peruncitan” ertinya pembelian dan/ atau penjualan produk dan/ atau barangan terus kepada pengguna. Pengedar (*distributor*) dan pedagang (*trader*) produk dan/ atau barangan juga dikategorikan sebagai peruncit.

“Pihak berkuasa berwibawa” ertinya pihak berkuasa JAKIM, MAIN/ JAIN atau mana satu yang berkenaan untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

“Polisi halal” ertinya pernyataan komitmen jaminan halal dan hala tuju sesebuah organisasi/ syarikat yang didokumenkan sebagai panduan kepada semua pihak dalam mematuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia.

“Premis” ertinya keseluruhan kawasan, bangunan atau struktur kekal atau sebaliknya untuk tujuan pengilangan, penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, pengedaran, penyajian, penjualan dan/ atau sebarang aktiviti yang berkaitan dengan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal.

“Premis bergerak” ertinya outlet makanan dan minuman yang beroperasi secara bergerak di lokasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Penyediaan

dan pemprosesan makanan dan minuman disediakan di dapur berpusat atau sepenuhnya di premis bergerak tersebut.

“**Premis makanan**” ertinya bangunan atau apa-apa struktur, kekal atau sebaliknya bagi penyediaan, penyajian dan penjualan sebarang makanan seperti restoran atau kafe, medan selera, kedai bakeri, kantin, kiosk, katering, dapur hotel, premis bergerak seperti trak makanan dan lain-lain.

“**Produk dagangan**” juga dikenali sebagai *trading product*. Ertinya produk luar yang dibawa masuk ke dalam premis untuk tujuan penyimpanan, pelabelan, pengedaran dan penjualan.

“**Produk halal**” ertinya sebarang produk yang diketahui status halalnya sama ada dipersijilkan halal atau tidak.

“**Premis makanan berangkai**” ertinya premis makanan yang terdiri daripada tiga (3) outlet atau lebih, menggunakan jenama yang sama dan mempunyai amalan perniagaan yang standard berkonsepkan dapur berpusat, pembelian berpusat atau lain-lain amalan perniagaan.

“**Senarai putih**” juga dikenali sebagai *whitelist*. Ertinya senarai syarikat pemegang SPHM yang komited mematuhi segala prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa.

“**Sertu**” ertinya menyucikan anggota badan, pakaian, tempat, perkakasan dan peralatan yang bersentuhan dengan najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya dengan membasuhnya sebanyak tujuh (7) kali, salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Basuhan air yang pertama hendaklah dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak atau bersih yang lain.

“**Sijil Pengesahan Halal Malaysia**” ertinya dokumen rasmi pengesahan status halal berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa kepada pemohon SPHM.

“**Sistem Jaminan Halal**” juga dikenali sebagai *Halal Assurance System* (HAS). Ertinya satu set prosedur yang digunakan oleh sesebuah organisasi/ syarikat untuk mencapai objektif dalam mengekalkan jaminan halal secara menyeluruh.

“**Sistem Kawalan Halal Dalaman**” juga dikenali sebagai *Internal Halal Control System* (IHCS). Ertinya prosedur kawalan halal dalaman bagi sesebuah organisasi/ syarikat yang terdiri daripada polisi halal, prosedur

kawalan bahan mentah atau prosedur kawalan risiko halal dan prosedur kebolehsesanan sebagai langkah kawalan minimum untuk mengekalkan jaminan halal.

“**Sistem Pengurusan Halal Malaysia**” juga dikenali sebagai *Malaysian Halal Management System* (MHMS). Ertinya sistem pengurusan bersepadu yang dibangun, dilaksana dan dikekalkan oleh sesebuah organisasi/ syarikat untuk menguruskan produk dan perkhidmatan bagi mengekalkan jaminan halal melalui IHCS atau HAS.

“**Skim produk barang gunaan**” ertinya skim pensijilan produk siap dan/ atau separa siap yang memberi manfaat kepada pengguna selain daripada produk makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal atau peranti perubatan dan memenuhi kriteria ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib.

“**Skim produk farmaseutikal**” ertinya skim pensijilan produk farmaseutikal yang berdaftar dengan PBKD, KKM dalam bentuk dos siap termasuk produk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi untuk kegunaan manusia.

“**Skim produk kosmetik**” ertinya skim pensijilan produk kosmetik bernotifikasi dengan NPRA, KKM yang dihasilkan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh badan manusia (kulit, rambut, kuku, bibir, organ genital luaran, gigi dan rongga mulut) bagi tujuan membersihkan, mewangikan, memperbaiki atau merubah penampilan atau mencantikkan, menghilangkan bau badan dan memelihara atau menjaga dalam keadaan yang baik.

“**Skim perkhidmatan logistik**” ertinya skim pensijilan yang meliputi perkhidmatan pengangkutan, penggudangan dan peruncitan termasuklah perkhidmatan penghantaran makanan.

“**Skim pengilangan kontrak/ OEM**” ertinya skim pensijilan kepada syarikat yang menyediakan sebarang bentuk perkhidmatan pengilangan produk kepada syarikat lain secara persetujuan bersama melalui kontrak bertulis.

“**Skim produk peranti perubatan**” ertinya skim pensijilan produk peranti perubatan yang berdaftar dengan MDA, KKM meliputi apa-apa peralatan, radas, perkakas, alat, implan, reagen atau kalibrator *in vitro*, bahan atau barang lain seumpamanya yang menepati definisi peranti perubatan di dalam Akta Peranti Perubatan (Akta 737) dan memenuhi kriteria ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib.

“**Skim Pensijilan Veterinar**” ertinya skim jaminan kesihatan haiwan, keselamatan makanan, jaminan kualiti yang diperkenalkan JPV berasaskan prinsip HACCP, GMP dan QAP seperti VHM dan GVHP.

“**Skim rumah sembelihan**” ertinya skim pensijilan kepada syarikat atau pengusaha premis untuk menyembelih dan memproses haiwan halal secara komersial bagi kegunaan manusia.

“**Tauliah Penyembelih**” ertinya dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa sebagai perakuan kompetensi penyembelih dan/ atau pemeriksa halal yang bekerja di rumah sembelihan.

“**Tidak halal**” juga dikenali sebagai haram. Ertinya perkara-perkara yang dilarang dan tidak dibenarkan dalam Islam berdasarkan Hukum Syarak dan fatwa.

BAHAGIAN II PERMOHONAN

4. SKIM PENSIJILAN

Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) terbuka kepada permohonan bagi skim-skim yang berikut:

- (1) Produk makanan dan minuman;
- (2) Produk kosmetik;
- (3) Produk farmaseutikal;
- (4) Premis makanan;
- (5) Produk barang gunaan;
- (6) Perkhidmatan logistik;
- (7) Rumah sembelihan;
- (8) Pengilangan kontrak/ OEM; dan
- (9) Produk peranti perubatan.

5. SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

Setiap permohonan hendaklah memenuhi syarat dan kriteria yang berikut:

- (1) Memiliki Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang masih sah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Perakuan Pendaftaran Koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing dan lain-lain agensi Kerajaan (yang mana berkaitan);
- (2) Memiliki lesen atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan atau surat sokongan yang masih sah daripada mana-mana agensi Kerajaan;
- (3) Memiliki Perakuan Pendaftaran Premis Makanan yang masih sah daripada BKKM (jika berkaitan);

- (4) Memiliki Skim Pensijilan Veterinar atau surat perakuan atau surat sokongan yang masih sah daripada JPV (jika berkaitan);
- (5) Memiliki Lesen Pengilang yang masih sah daripada NPRA (jika berkaitan);
- (6) Memiliki Lesen Establismen yang masih sah daripada MDA (jika berkaitan);
- (7) Beroperasi sepenuhnya sekurang-kurang tiga (3) bulan sebelum membuat permohonan SPHM bagi permohonan baharu;
- (8) Beroperasi sepenuhnya sekurang-kurangnya satu (1) bulan di premis baharu bagi syarikat yang berpindah lokasi;
- (9) Mengeluar dan/ atau mengendalikan produk halal sahaja termasuklah produk dagangan (*trading product*) serta mematuhi piawaian halal yang ditetapkan;
- (10) Membuat permohonan SPHM ke atas semua jenis produk atau menu yang masih dihasilkan di premis berkenaan;
- (11) Mengemukakan sijil halal yang diiktiraf dan masih sah laku bagi permohonan pembungkusan semula produk; atau mengemukakan dokumen sokongan yang jelas menyatakan sumber bahan (bagi bahan semula jadi sahaja); dan
- (12) Nama syarikat, produk, menu, ramuan dan jenama produk yang dimohon hendaklah tidak menggunakan pernyataan 'halal' atau sebarang representasi atau diperihalkan dengan cara lain untuk menunjukkan ia boleh digunakan oleh orang Islam.

6. TIDAK LAYAK MEMOHON

Mana-mana permohonan yang berikut adalah TIDAK LAYAK:

- (1) Produk dan menu yang tidak halal;
- (2) Syarikat yang mengeluarkan dan/ atau mengedar produk halal dan tidak halal (termasuklah perkhidmatan penghantaran makanan);

- (3) Penggunaan jenama yang sama bagi produk atau perkhidmatan halal dan tidak halal (tertakluk kepada pemakaian di Malaysia);
- (4) Produk atau perkhidmatan yang tidak memiliki standard atau garis panduan untuk dijadikan rujukan;
- (5) Produk atau premis makanan yang memberi implikasi negatif terhadap agama dan sosial seperti dadah, shisha, rokok, pewarna rambut, pewarna kuku, pusat karaoke, pusat hiburan dan lain-lain;
- (6) Produk semulajadi yang tidak diproses, tidak diubahsuai serta tiada pembungkusan dan pelabelan digunakan seperti ikan segar, sayur-sayuran segar, telur segar dan seumpama dengannya;
- (7) Penggunaan nama syarikat, produk, menu dan jenama yang merujuk kepada produk tidak halal atau sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan seperti *ham*, *bak kut teh*, *bacon*, *beer*, *rum*, *hot dog*, *char siew* dan seumpama dengannya; (Rujuk LAMPIRAN A)
- (8) Produk siap dalam dan luar negara yang dilabel semula tanpa menjalani sebarang proses di Malaysia;
- (9) Premis makanan yang menyediakan menu yang tidak halal;
- (10) Produk di peringkat awal penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang masih belum sedia dikomersialkan;
- (11) Produk, menu dan perkhidmatan yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah, perkara khurafat dan penipuan;
- (12) Hotel yang mempunyai dapur yang menyediakan atau menyajikan menu berasaskan babi; dan
- (13) Produk yang tiada keperluan untuk dipersijilkan halal dan/ atau boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya dipersijilkan halal seperti baja, kertas, simen, jubin, racun serangga, permaidani dan lain-lain.

BAHAGIAN III FI

7. PEMROSESAN

- (1) Setiap permohonan di bawah Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)** sahaja; dan
- (2) Tanpa terikat dengan Prosedur 7 (1) Manual Prosedur ini, setiap permohonan yang melibatkan syarikat dan/ atau pemohon yang berdaftar di luar negara dan menjalankan pengilangan produk di dalam negara hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)** sahaja.

8. PENSIJILAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

- (1) Setiap permohonan baharu dan pembaharuan produk bagi skim Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) hendaklah dikenakan bayaran fi seperti Jadual 1 di bawah:

PERMOHONAN	KATEGORI		FI (RM)/TAHUN
	INDUSTRI	CIRI-CIRI	
(1) Makanan dan Minuman (2) Kosmetik (3) Farmaseutikal (4) Barang Gunaan (5) Logistik (6) Pengilangan Kontrak/ OEM (7) Peranti Perubatan (8) Dapur Berpusat	Mikro	Nilai perolehan tahunan kurang daripada RM300,000.00	100
	Kecil	Nilai perolehan tahunan daripada RM300,000.00 hingga RM14,999,999.99	400
	Sederhana	Nilai perolehan tahunan daripada RM15 Juta hingga RM50 Juta	700
	Besar	Nilai perolehan tahunan melebihi RM50 Juta	1,000

Jadual 1 : Kadar Fi Pensijilan Produk dan Perkhidmatan Mengikut Kategori Industri

- (2) Tanpa terikat dengan Prosedur 8 (1) Manual Prosedur ini, setiap permohonan yang melibatkan syarikat dan/ atau pemohon yang berdaftar di

luar negara dan menjalankan pengilangan produk di dalam negara hendaklah dikenakan bayaran fi seperti Jadual 2 di bawah:

PENGILANGAN PRODUK SECARA KONTRAK (SYARIKAT LUAR NEGARA)		FI (RM)/ PERMOHONAN
PERMOHONAN PRODUK	KATEGORI PEMOHON	
(1) Makanan dan Minuman	Negara-negara ASEAN	2,500
(2) Kosmetik (3) Farmaseutikal (4) Barang Gunaan (5) Peranti Perubatan	Lain-lain Negara	10,000

Jadual 2 : Kadar Fi Pensijilan Pengilangan Produk Secara Kontrak (Syarikat Luar Negara) Mengikut Kategori Pemohon

9. PENSIJILAN PREMIS MAKANAN

Setiap permohonan baharu dan pembaharuan bagi skim Premis Makanan hendaklah dikenakan bayaran fi seperti Jadual 3, 4 dan 5 di bawah:

PERMOHONAN PREMIS MAKANAN	FI (RM) SETIAP PREMIS/ TAHUN
(1) Restoran atau kafe (2) Kantin (3) Kedai bakeri (4) Premis makanan berangkai (5) Premis bergerak (6) Kafeteria di medan selera (7) Kiosk	100

Jadual 3 : Kadar Fi Pensijilan Premis Makanan

SKIM PREMIS MAKANAN (HOTEL)	
KATEGORI	FI (RM) SETIAP DAPUR ATAU RESTORAN/ TAHUN
4 Bintang dan ke atas	500
3 Bintang dan ke bawah	200

Jadual 4 : Kadar Fi Pensijilan Premis Makanan (Hotel)

SKIM PREMIS MAKANAN (KATERING/ KHIDMAT PENYAJIAN MAKANAN/ DAPUR PUSAT KONVENSYEN)		
JENIS INDUSTRI	CIRI-CIRI	FI (RM)/ TAHUN
Kecil	Nilai perolehan tahunan kurang daripada RM500,000.00	100
Sederhana	Nilai perolehan tahunan daripada RM500,000.00 hingga RM5 Juta	400
Besar	Nilai perolehan tahunan melebihi RM5 Juta	700

Jadual 5 : Kadar Fi Pensijilan Premis Makanan
(Katering/ Khidmat Penyajian Makanan/ Dapur Pusat Konvensyen)

10. PENAMBAHAN MENU

Setiap permohonan penambahan menu termasuklah menu promosi bagi pemegang SPHM di bawah skim premis makanan hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00)** sahaja bagi tempoh dua (2) tahun.

11. CETAKAN POSTER LOGO HALAL

Cetakan poster logo halal bagi pemegang SPHM skim premis makanan hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)** sahaja bagi setiap keping poster.

12. PENSIJILAN RUMAH SEMBELIHAN

Setiap permohonan baharu dan pembaharuan di bawah skim rumah sembelihan hendaklah dikenakan bayaran fi seperti Jadual 5 di bawah:

SKIM RUMAH SEMBELIHAN			
JENIS INDUSTRI	JENIS HAIWAN	JUMLAH PENGELUARAN HARIAN	FI (RM)/ TAHUN
Kecil	Ayam atau poltri lain atau arnab	1 – 2,999 ekor	100
	Kambing, biri-biri atau rusa	1 – 499 ekor	

	Lembu, kerbau atau unta	1 – 49 ekor	
Sederhana	Ayam atau poltri lain atau arnab	3,000 – 10,000 ekor	400
	Kambing, biri-biri atau rusa	500 – 700 ekor	
	Lembu, kerbau atau unta	50 – 100 ekor	
Besar	Ayam atau poltri lain atau arnab	Melebihi 10,000 ekor	700
	Kambing, biri-biri atau rusa	Melebihi 700 ekor	
	Lembu, kerbau atau unta	Melebihi 100 ekor	

Jadual 6 : Kadar Fi Pensijilan Rumah Sembelihan

13. CETAKAN SEMULA SIJIL

- (1) Setiap permohonan untuk mencetak semula SPHM hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)** sahaja bagi setiap keping sijil; dan
- (2) Tanpa terikat dengan Prosedur 13 (1) Manual Prosedur ini, setiap permohonan untuk mencetak semula SPHM yang melibatkan syarikat dan/ atau pemohon yang berdaftar di luar negara dan menjalankan pengilangan produk di dalam negara hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1000.00)** sahaja.

14. NOTA KONSAINAN

Setiap permohonan pengeluaran nota konsainan hendaklah dikenakan bayaran fi sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00)** sahaja bagi setiap penerima konsainan (*consignee*).

15. PEMBAYARAN

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah membuat bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja setelah menerima surat caj melalui sistem MYeHALAL;

- (2) Kaedah pembayaran fi hendaklah merujuk kepada pihak berkuasa berwibawa yang menguruskan permohonan tersebut secara:
 - (a) Wang pos (postal order);
 - (b) Kiriman wang (money order);
 - (c) Draf bank (bank draft);
 - (d) Bayaran dalam talian (online payment);
 - (e) Cek; atau
 - (f) Tunai.
- (3) Pembayaran fi hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah JAKIM atau MAIN atau JAIN atau Kerajaan Negeri (yang mana berkaitan);
- (4) Pembayaran fi cetakan semula SPHM, nota konsainan dan cetakan poster logo halal hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah JAKIM;
- (5) Setiap pembayaran fi yang telah dijelaskan hendaklah dikeluarkan resit bayaran;
- (6) Salinan resit pembayaran hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa berwibawa (Bahagian Pengurusan Halal) yang menguruskan permohonan tersebut (jika berkaitan);
- (7) Fi yang telah dibayar hendaklah tidak akan dikembalikan dan hendaklah tidak boleh dipindahkan ke permohonan lain; dan
- (8) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mengenakan fi tambahan sekiranya maklumat penentuan kadar fi yang dikemukakan oleh syarikat dan/ atau pemohon adalah tidak tepat.

16. PENGEQUALIAN

Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mengecualikan bayaran fi bagi mana-mana permohonan yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.

BAHAGIAN IV KEPERLUAN PENSIJILAN

17. KEPERLUAN UMUM

Syarikat dan/ atau pemohon SPHM hendaklah mematuhi keperluan umum dalam Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) yang berikut:

(1) Bahan Mentah

- (a)* Setiap bahan mentah hendaklah dipastikan halal, selamat dan tidak tercemar;
- (b)* Bahan mentah yang bersumberkan haiwan dan/ atau berasaskan hasil haiwan hendaklah dipersijilkan halal yang masih sah daripada pihak berkuasa berwajib atau badan pensijilan halal yang diiktiraf;
- (c)* Bahan mentah yang bersumberkan haiwan dan/ atau berasaskan hasil haiwan yang diimport (seperti daging lembu, daging ayam, gelatin dan lain-lain) hendaklah diperolehi daripada rumah sembelihan atau loji pemrosesan yang diluluskan JPV;
- (d)* Bahan mentah yang tidak dipersijilkan halal atau dipersijilkan halal oleh badan pensijilan yang tidak diiktiraf JAKIM hendaklah mempunyai dokumen sokongan yang lengkap (mengandungi komposisi bahan, carta alir dan sumber bahan mentah);
- (e)* Setiap bahan mentah hendaklah dapat dikenal pasti pengeluar asal bahan mentah tersebut;
- (f)* Bahan mentah yang telah menjalani proses tambahan (seperti pemotongan, pra campuran, pembungkusan semula) oleh pihak ketiga termasuklah pembekal atau perantara hendaklah memiliki pensijilan halal yang sah;
- (g)* Semua bahan mentah hendaklah diisytiharkan dalam borang permohonan MYeHALAL secara terperinci sama seperti label pada bahan mentah tersebut;
- (h)* Bahan mentah hendaklah mempunyai label yang jelas, terang, boleh difahami serta tertera nama dan pengeluar bahan mentah;

- (i) Bahan mentah yang digunakan hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (j) Laporan analisis bagi penentuan kualiti air hendaklah dikemukakan sekiranya sumber air diperolehi selain daripada Jabatan Bekalan Air (jika berkaitan).

(2) **Produk, Menu dan Perkhidmatan**

- (a) Produk yang dihasilkan hendaklah tidak menyerupai sebarang bentuk haiwan yang dikategorikan sebagai najis *mughallazah*, berunsurkan keagamaan dan memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia;
- (b) Semua produk atau menu yang masih dihasilkan hendaklah dimohon SPHM;
- (c) Nama produk atau menu yang diisytiharkan dalam borang permohonan MYeHALAL hendaklah sama sepertimana label produk atau paparan menu;
- (d) Produk, menu dan perkhidmatan yang dimohon SPHM hendaklah dihasil atau dikendalikan secara konsisten serta mempunyai rekod pemprosesan dan/ atau pengendalian yang dikemas kini;
- (e) Produk, menu dan perkhidmatan boleh digugurkan daripada senarai permohonan SPHM sekiranya tidak diproses atau tiada sebarang pengendalian perkhidmatan sepanjang tempoh sah laku SPHM terdahulu;
- (f) Sukatan dan timbangan produk hendaklah memenuhi kadar kandungan atau kuantiti sepertimana dinyatakan pada label produk;
- (g) Produk, menu dan perkhidmatan yang diproses atau dikendalikan hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (h) Produk atau menu yang masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi telah sedia untuk dikomersialkan hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang berikut:
 - (i) Bahan mentah telah tersedia dan dapat disemak semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia;

- (ii) Tiada perubahan pada bahan mentah atau ramuan dan pelabelan;
- (iii) Telah dijalankan ujian percubaan (*trial run* atau *pilot run*) di aliran pengeluaran (*production line*); dan
- (iv) Diluluskan oleh pihak pengurusan syarikat.

(3) **Pemprosesan**

- (a) Segala aktiviti berkaitan penyediaan dan pemprosesan bahan mentah, produk, menu atau perkhidmatan hendaklah memenuhi keperluan Hukum Syarak, perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa;
- (b) Kawasan pemprosesan hendaklah bebas daripada sebarang bahan mentah atau produk tidak halal atau diragui status halal;
- (c) Kawasan pemprosesan hendaklah tidak digunakan untuk tujuan lain selain daripada pemprosesan dan pengendalian produk yang dipersijilkan halal melainkan mekanisme kawalan halal dilaksanakan;
- (d) Kawasan pemprosesan hendaklah bebas daripada sebarang aktiviti penghasilan produk untuk tujuan keagamaan yang memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia seperti penghasilan minyak sembahyang;
- (e) Pemprosesan dan pengendalian hendaklah memenuhi keperluan amalan kebersihan yang baik seperti GHP dan/ atau amalan pengilangan yang baik seperti GMP;
- (f) Kawasan pemprosesan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan teratur pada setiap masa; dan
- (g) Bahan kimia beracun atau berbahaya, bahan pencuci, peralatan dan barangan yang tidak berkaitan hendaklah tidak diletak atau disimpan bersama bahan mentah dan produk di kawasan pemprosesan tanpa kawalan.

(4) **Penyimpanan**

- (a) Penyimpanan hendaklah dikhususkan untuk bahan mentah dan produk halal sahaja termasuklah produk dagangan (*trading product*);

- (b) Penyimpanan bahan mentah, produk siap, bahan atau produk R&D, *reject item* dan lain-lain bahan seperti peralatan dan bahan kimia bukan makanan hendaklah diasing dan dilabelkan;
- (c) Peralatan, bahan dan produk yang tidak berkaitan dengan pemprosesan atau penghasilan produk hendaklah tidak disimpan bersama-sama bahan mentah dan produk siap;
- (d) Semua bahan dan produk hendaklah disimpan mengikut keperluan sifat bahan dan produk (*nature of product*) tersebut;
- (e) Kawasan penyimpanan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan teratur pada setiap masa;
- (f) Kawasan penyimpanan hendaklah mempunyai prosedur dan rekod yang lengkap serta mempunyai penandaan yang jelas;
- (g) Semua bahan dan produk hendaklah disusun atur dan dikawal selia dengan baik bagi memudahkan aktiviti pembersihan. Penggunaan alas seperti *pallet* perlulah bersesuaian;
- (h) Kontrak atau perjanjian bertulis atau persetujuan bersama hendaklah diperolehi sekiranya penyimpanan diuruskan oleh pihak ketiga. Keutamaan hendaklah diberikan kepada penyedia perkhidmatan penggodaman yang memiliki SPHM;
- (i) Sebarang aktiviti penyimpanan bahan mentah atau produk hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (j) Proses sertu hendaklah dijalankan sekiranya kawasan penyimpanan tercemar dengan najis *mughallazah*.

(5) **Peralatan dan Perkakasan**

- (a) Peralatan dan perkakasan hendaklah digunakan untuk pemprosesan dan pengendalian bahan mentah, produk dan perkhidmatan halal sahaja;
- (b) Peralatan dan perkakasan yang boleh memberikan implikasi negatif terhadap Pensijilan Halal Malaysia seperti penggunaan peralatan dan perkakasan berlabelkan produk arak hendaklah tidak digunakan;

- (c) Peralatan dan perkakasan daripada sumber haiwan hendaklah tidak digunakan kecuali yang dikenal pasti status halal seperti penapis air, berus bulu, pinggan mangkuk dan lain-lain;
 - (d) Peralatan dan perkakasan hendaklah sentiasa dalam keadaan baik, bersih, bebas daripada najis, tidak mempunyai sebarang bahan mudarat (seperti toksik dan karat) dan tidak memberi kesan sampingan negatif terhadap produk serta pengendali;
 - (e) Peralatan dan perkakasan hendaklah mempunyai prosedur pembersihan dan penyelenggaraan secara berkala dan berjadual supaya sentiasa berkeadaan baik terutamanya alat timbang dan sukat;
 - (f) Peralatan dan perkakasan yang rosak atau tidak digunakan hendaklah dikenal pasti, dikeluarkan atau diasingkan;
 - (g) Peralatan dan perkakasan yang digunakan hendaklah bersesuaian serta mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
 - (h) Proses sertu hendaklah dijalankan sekiranya peralatan dan perkakasan tercemar dengan najis *mughallazah*.
- (6) **Pembungkusan, Pelabelan dan Pengiklanan**
- (a) Bahan pembungkusan dan pelabelan hendaklah dipastikan halal, tidak mencemarkan produk dan selamat untuk kegunaan manusia;
 - (b) Pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip Hukum Syarak, tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan moral dan memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia;
 - (c) Pelabelan serta pengiklanan produk dan perkhidmatan hendaklah tidak menggunakan pernyataan, lambang, istilah atau nama yang berunsurkan keagamaan dan ketuhanan seperti nama-nama Allah, makanan sunnah, dewa dan seumpamanya;
 - (d) Sebarang bentuk rajah atau ilustrasi haiwan yang dikategorikan sebagai najis *mughallazah*, berunsurkan keagamaan dan memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia hendaklah tidak digunakan;

- (e) Pelabelan produk hendaklah sama sepertimana nama produk yang diisytiharkan dalam borang permohonan MYeHALAL;
- (f) Label pembungkusan hendaklah dicetak dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan;
- (g) Sebarang tuntutan pada label produk hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- (h) Pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan hendaklah mematuhi piawaian, perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- (i) Pelabelan produk yang diproses dan dibungkus dalam negara hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dan boleh termasuk terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain; dan
- (j) Maklumat-maklumat yang berikut hendaklah dipamerkan pada label produk:
 - (i) Nama produk;
 - (ii) Nama dan alamat pemegang SPHM; dan
 - (iii) Logo Halal Malaysia berserta nombor MS dan nombor rujukan fail (10 angka terakhir)

Contoh:



MS 1500
1 059-02/2008

(7) Pengangkutan dan Penedaran

- (a) Pengangkutan dan pendedaran hendaklah untuk kegunaan bahan mentah dan produk halal sahaja;

- (b) Pengangkutan yang bersesuaian hendaklah digunakan mengikut keperluan sifat bahan mentah dan produk (*nature of product*);
- (c) Pengangkutan hendaklah dipastikan berada dalam keadaan bersih dan terkawal pada setiap masa;
- (d) Kontrak atau perjanjian bertulis atau persetujuan bersama hendaklah diperolehi sekiranya pengangkutan dan pengedaran diuruskan oleh pihak ketiga. Keutamaan hendaklah diberikan kepada penyedia perkhidmatan pengangkutan yang memiliki SPHM;
- (e) Sebarang aktiviti pengangkutan dan pengedaran bahan mentah atau produk hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (f) Proses sertu hendaklah dijalankan sekiranya pengangkutan tercemar dengan najis *mughallazah*.

(8) **Premis**

- (a) Kawasan premis termasuklah di pejabat, kantin dan tempat tinggal pekerja hendaklah dipastikan bebas daripada bahan mentah dan produk tidak halal seperti arak dan daging babi;
- (b) Sistem pengawalan yang berkesan hendaklah diwujudkan untuk mengelakkan pencemaran dari premis pemprosesan produk tidak halal, loji kumbahan najis, pusat penternakan haiwan dan lain-lain;
- (c) Premis hendaklah berpagar atau mempunyai mekanisme pengawalan bagi mencegah haiwan peliharaan atau liar, serangga dan haiwan perosak daripada memasuki atau berada di dalam kawasan premis tersebut;
- (d) Premis hendaklah dalam keadaan baik, bersih dan kemas pada setiap masa;
- (e) Lantai, dinding, siling, kipas, penghawa dingin, tingkap dan pintu hendaklah berkeadaan bersih dan tidak menyumbang kepada pencemaran;
- (f) Alas bersesuaian seperti *pallet* hendaklah digunakan di kawasan pemprosesan untuk mengelakkan bahan mentah dan produk diletakkan secara terus di atas lantai;

- (g) Pengudaraan dan pencahayaan hendaklah mencukupi dan bersesuaian;
- (h) Lampu yang digunakan hendaklah dalam keadaan baik, bersih dan berpenutup (jika berkaitan) di kawasan pemrosesan;
- (i) Premis hendaklah memenuhi keperluan amalan pengilangan yang baik seperti VHM dan GMP;
- (j) Pelan susun atur premis hendaklah disediakan. Susun atur hendaklah mengelakkan pencemaran silang, memudah aktiviti pembersihan, memudahkan proses pengeluaran atau pengendalian bahan mentah dan produk serta mematuhi kehendak keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (k) Tempat tinggal pekerja hendaklah tidak berada di dalam kawasan premis. Namun sekiranya perlu, hendaklah mematuhi keperluan yang berikut:
 - (i) Tinggal di bangunan berasingan dari kawasan pemrosesan; atau
 - (ii) Jika di bangunan yang sama, hendaklah mempunyai laluan masuk yang berasingan ke kawasan pemrosesan;
 - (iii) Tiada laluan terus dari tempat tinggal pekerja ke kawasan pemrosesan; dan
 - (iv) Mempunyai mekanisme pengawalan keluar masuk pekerja yang berkesan.
- (l) Sistem saliran dan perparitan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan diselenggara dengan sempurna;
- (m) Premis pemrosesan dan pengendalian produk yang dipersijilkan halal hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (n) Proses sertu hendaklah dijalankan sekiranya berlaku pencemaran dengan najis *mughallazah*.

(9) Pekerja

- (a) Jumlah pekerja Muslim hendaklah mencukupi mengikut keperluan kategori permohonan;
- (b) Kebersihan diri hendaklah sentiasa berada pada tahap yang baik;
- (c) Pakaian pekerja hendaklah bersih, sopan dan bersesuaian;
- (d) Barangan peribadi, makanan dan minuman pekerja hendaklah tidak dibawa masuk ke kawasan pemprosesan;
- (e) Kelengkapan perlindungan peribadi (*personal protective equipment*) yang bersesuaian dengan kehendak pekerjaan seperti penutup kepala, sarung tangan, pelindung muka, kaca mata keselamatan dan lain-lain hendaklah dibekalkan kepada setiap pekerja;
- (f) Pekerja hendaklah tidak melakukan apa-apa perbuatan, kelakuan dan tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran terhadap bahan dan produk seperti merokok atau meludah;
- (g) Pelantikan dan pengambilan pekerja hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (h) Hendaklah mengamalkan kod etika pekerja dan Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP) sepertimana yang ditetapkan di bawah peraturan pihak berkuasa yang berkaitan.

(10) Sanitasi

- (a) Pembersihan di kawasan pemprosesan hendaklah dilakukan secara berjadual;
- (b) Persekitaran premis hendaklah berkeadaan bersih dan terhindar daripada faktor yang boleh mencemarkan premis;
- (c) Kawalan makhluk perosak (*pest control*) hendaklah dilaksanakan secara berkala menggunakan kontraktor luar atau secara dalaman serta perlu direkodkan;
- (d) Kemudahan mencuci tangan hendaklah disediakan dan berfungsi dengan baik serta mempunyai alat sanitasi yang bersesuaian seperti sabun dan tisu;

- (e) Tong sampah yang disediakan hendaklah mencukupi, berkeadaan baik dan berpenutup. Digalakkan menggunakan tong sampah daripada jenis bebas tangan (*hands free* atau *foot pedal*);
- (f) Tandas hendaklah mempunyai prosedur pembersihan, berkeadaan bersih, tidak berbau, tidak rosak dan tidak terbuka secara langsung kepada kawasan pemprosesan; dan
- (g) Prosedur pembuangan bahan dan pelupusan sisa buangan hendaklah diuruskan dengan baik, teratur serta mematuhi perundangan dan peraturan pihak berkuasa berkaitan.

(11) Kemudahan dan Kebajikan Pekerja

- (a) Bilik atau ruang solat kepada pekerja Muslim hendaklah disediakan di lokasi yang munasabah, mempunyai keluasan yang bersesuaian dan diselenggara dengan baik;
- (b) Pekerja Muslim hendaklah diberikan pelepasan dan diperuntukkan masa yang sewajarnya untuk menunaikan solat fardhu termasuklah solat Jumaat;
- (c) Bilik atau ruang persalinan untuk pekerja hendaklah disediakan sewajarnya;
- (d) Ruang makan atau rehat untuk pekerja perlulah disediakan dengan sewajarnya; dan
- (e) Kemudahan penyimpanan barang peribadi pekerja hendaklah disediakan.

(12) Latihan

- (a) Latihan kesedaran halal kepada pekerja baharu hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh lantikan;
- (b) Latihan kesedaran halal hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali kepada semua pekerja yang terlibat dengan aktiviti pemprosesan dan/ atau perkhidmatan;
- (c) Latihan kesedaran halal hendaklah merangkumi skop berkaitan konsep halal dan prosedur Pensijilan Halal Malaysia, dan dikendalikan oleh organisasi atau individu yang berdaftar di bawah HPB JAKIM;

- (d) Latihan kesedaran halal boleh dipanjangkan kepada pihak ketiga yang berkaitan seperti pemilik jenama, pembekal, penyedia pengangkutan dan lain-lain yang difikirkan perlu;
- (e) Latihan kompetensi halal hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali kepada semua ahli Jawatankuasa Halal Dalaman yang dilantik secara rasmi oleh pihak pengurusan tertinggi syarikat;
- (f) Latihan kompetensi halal hendaklah dikendalikan oleh Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah HPB JAKIM atau pihak berkuasa berwibawa yang merangkumi skop berikut:
 - (i) Pemahaman Syariah dan fatwa;
 - (ii) *Malaysian Standard* (MS);
 - (iii) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
 - (iv) Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS);
 - (v) Perundangan berkaitan halal; dan
 - (vi) Ramuan kritikal (jika berkaitan).
- (g) Pengurusan syarikat hendaklah menyediakan dana kewangan dan prasarana yang mencukupi bagi tujuan pelaksanaan latihan; dan
- (h) Rekod latihan kesedaran halal dan latihan kompetensi hendaklah disimpan dengan baik, dikemas kini dan mudah untuk dirujuk semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.

(13) Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS)

- (a) Pembangunan, pelaksanaan dan pengekalan kawalan halal berdasarkan Manual MHMS 2020; dan
- (b) Penyeliaan dan pemantauan berterusan terhadap keperluan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan kawalan halal dalaman syarikat.

(14) Dokumentasi dan Rekod

- (a) Dokumen dan rekod hendaklah sentiasa disimpan dengan baik, dikemas kini dan mudah untuk dirujuk semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia;
- (b) Dokumen dan rekod berkaitan halal hendaklah disediakan semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia dan tidak terhad kepada senarai yang berikut:
 - (i) Fail permohonan halal;
 - (ii) Fail MHMS;
 - (iii) Salinan sijil halal syarikat (jika berkaitan);
 - (iv) Rekod pekerja;
 - (v) Rekod latihan halal;
 - (vi) Rekod pembelian bahan mentah;
 - (vii) Rekod kawalan makhluk perosak;
 - (viii) Rekod pemprosesan produk;
 - (ix) Rekod pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia terdahulu; dan
 - (x) Lain-lain dokumen dan rekod yang berkaitan keperluan Pensijilan Halal Malaysia.
- (c) Dokumen dan rekod hendaklah disimpan sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) tahun; dan
- (d) Permohonan baharu SPHM hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dokumen dan rekod untuk tujuan pengauditan Pensijilan Halal Malaysia.

(15) Alat dan Unsur Penyembahan

Sebarang alat dan unsur penyembahan hendaklah tidak berada di dalam kawasan pemprosesan.

(16) Pematuhan Undang-undang dan Peraturan

- (a) Operasi perniagaan hendaklah mematuhi semua perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa;
- (b) Manual MHMS 2020, MS, fatwa, prosedur dan pekeliling yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berwibawa hendaklah dipatuhi; dan
- (c) Pihak berkuasa berwibawa berkuasa menolak mana-mana permohonan atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu ke atas syarikat dan/ atau pemohon yang didapati menyalahi perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa.

(17) Pengilangan Kontrak/ OEM

- (a) Pihak yang menjalankan pengilangan kontrak/ OEM hendaklah membuat permohonan dan memperolehi SPHM di bawah skim pengilangan kontrak/ OEM sebelum layak menawarkan perkhidmatan pengilangan produk kepada syarikat lain; dan
- (b) Mana-mana syarikat dan/ atau pemohon SPHM hendaklah memastikan pihak yang dilantik untuk menjalankan pengilangan produk secara kontrak memiliki SPHM di bawah skim pengilangan kontrak/ OEM terlebih dahulu.

18. KEPERLUAN KHUSUS

Syarikat dan/ atau pemohon SPHM hendaklah mematuhi keperluan khusus dalam Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) yang berikut:

(1) Skim Produk Makanan dan Minuman

- (a) Setiap premis hendaklah memiliki Perakuan Pendaftaran Premis Makanan yang masih sah daripada BKKM;
- (b) Setiap pengendali makanan hendaklah memiliki Sijil Latihan Pengendali Makanan daripada institusi yang diiktiraf oleh KKM;
- (c) Setiap pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan vaksinasi anti tifoid yang masih sah daripada pengamal perubatan berdaftar;

- (d) Setiap produk yang mengandungi gabungan ubat dan makanan (*food-drug interphase*) hendaklah mengemukakan surat pengkelasan produk daripada NPRA (jika berkaitan);
- (e) Keperluan MS 1500:2019 *Halal Food-General Requirements (Third Revision)*, Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
- (f) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:
- (i) **Industri Besar dan Sederhana**
- a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.
- (ii) **Industri Kecil**
- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.
- (iii) **Industri Mikro**
- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
 - b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(2) Skim Produk Kosmetik

- (a) Setiap produk kosmetik hendaklah bernoifikasi atau mendapat surat kebenaran mengilang produk kosmetik tidak bernoifikasi bagi tujuan eksport (*for export only*) daripada NPRA;
- (b) Premis yang memproses dan menghasilkan produk kosmetik hendaklah memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam *Annex I, Part 10: Guideline for Cosmetic GMP, Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia*;
- (c) Keperluan MS 2634:2019 *Halal Cosmetics-General Requirements (First Revision)*, *Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984*, *Guidelines For Control of Cosmetic Products In Malaysia 2017* serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi;
- (d) Dokumen *Notification Detail(s)* daripada NPRA hendaklah dikemukakan bagi setiap produk kosmetik yang dipohon pensijilan halal;
- (e) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:
 - (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalam premis hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.
 - (ii) **Industri Kecil**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan

- c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.

(iii) **Industri Mikro**

- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
- b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.

(3) **Skim Produk Farmaseutikal**

- (a) Setiap produk farmaseutikal hendaklah berdaftar dengan PBKD;
- (b) Premis yang memproses dan menghasilkan produk farmaseutikal hendaklah memiliki Lesen Pengilang daripada NPRA serta memenuhi keperluan GMP;
- (c) Produk farmaseutikal yang layak dipersijilkan halal adalah di bawah kategori yang berikut:
 - (i) Produk racun berjadual;
 - (ii) Produk bukan racun berjadual (*over-the-counter*);
 - (iii) Produk suplemen kesihatan; atau
 - (iv) Produk semulajadi (Ubat-ubatan tradisional dan komplementari).
- (d) Keperluan MS 2424:2019 *Halal Pharmaceuticals-General Requirements (First Revision)*, *Sale of Drugs Act 1952*, *Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984*, *Drug Registration Guidance Document (DRGD)* serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
- (e) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:

- (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalam premis hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020;

- (ii) **Industri Kecil**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

- (iii) **Industri Mikro**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
 - b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(4) **Skim Premis Makanan**

- (a) Memiliki Perakuan Pendaftaran Premis Makanan yang masih sah daripada BKKM;
- (b) Setiap pengendali makanan hendaklah memiliki Sijil Latihan Pengendali Makanan daripada institusi yang diiktiraf oleh KKM;
- (c) Setiap pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan vaksinasi anti tifoid yang masih sah daripada pengamal perubatan berdaftar;
- (d) Keperluan MS 1500:2019 *Halal Food-General Requirements (Third Revision)*, Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan

Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi;

- (e) Premis makanan yang mempunyai dapur berpusat hendaklah memiliki SPHM terlebih dahulu di bawah skim produk makanan dan minuman;
- (f) Premis makanan berangkai yang menggunakan jenama yang sama hendaklah membuat permohonan SPHM bagi setiap rangkaian premis dan permohonan hendaklah diuruskan secara berpusat;
- (g) Menu yang diisytiharkan pada borang permohonan MYeHALAL hendaklah sama sepertimana dinyatakan pada paparan menu;
- (h) Memohon SPHM bagi semua menu yang disediakan di premis makanan. Menu yang tidak diisytiharkan hendaklah dibuat permohonan penambahan menu;
- (i) MHMS hendaklah dibangun dan dilaksanakan secara berkesan dengan merujuk kepada Manual MHMS 2020; dan
- (j) Premis makanan hendaklah memenuhi keperluan tambahan yang berikut:
 - (i) **Hotel (Dapur dan/ atau Restoran)**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap dapur dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik bagi setiap cawangan hotel;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi setiap cawangan hotel;
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020;
 - e. Senarai semua dapur dan/ atau restoran yang beroperasi di hotel hendaklah dikemukakan;
 - f. Penentuan bilangan dapur hotel yang dimohon SPHM hendaklah berdasarkan kawasan atau ruang dapur yang memiliki laluan keluar masuk (*entry access*) yang khusus atau spesifik; (Rujuk LAMPIRAN B)
 - g. Dapur yang dipersijilkan halal hendaklah mempunyai pengasingan yang jelas dengan dapur yang tidak

dipersijilkan halal serta mempunyai mekanisme kawalan halal yang berkesan;

- h.* Makanan dan minuman yang dibekalkan untuk peserta program dan penginap hotel hendaklah dari dapur yang memiliki SPHM;
- i.* Hidangan dari dapur yang dipersijilkan halal hendaklah tidak bercampur dengan hidangan dari dapur yang tidak dipersijilkan halal; dan
- j.* Makanan dan minuman yang dibekalkan ke restoran yang dipersijilkan halal hendaklah dari dapur yang memiliki SPHM termasuklah dapur terbuka (*open kitchen*).

(ii) **Restoran atau Kafe, Kantin dan Kedai Bakeri**

- a.* Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap premis makanan dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
- b.* Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis makanan;
- c.* IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020;
- d.* Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal; dan
- e.* Syarikat dan/ atau pemohon yang mempunyai minimum tiga (3) restoran atau kafe, kantin dan kedai bakeri menggunakan jenama sama hendaklah memenuhi keperluan premis makanan berangkai [klausula 18 (4) (*j*) (iii)].

(iii) **Premis Makanan Berangkai**

- a.* Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap premis makanan dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
- b.* Eksekutif Halal hendaklah dilantik di peringkat pengurusan syarikat atau dapur berpusat;
- c.* Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan di peringkat pengurusan syarikat atau dapur berpusat; dan
- d.* HAS hendaklah dibangun di peringkat pengurusan syarikat dan dilaksanakan di setiap premis makanan berdasarkan Manual MHMS 2020.

- (iv) **Katering dan/ atau Khidmat Penyajian Makanan dan Dapur Pusat Konvensyen**
- a. Industri Besar dan Sederhana**
- i. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap dapur atau penyediaan makanan dan minuman sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - ii. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap premis makanan;
 - iii. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi premis makanan dan setiap cawangan premis makanan yang mempunyai pengurusan operasi berbeza;
 - iv. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020;
 - v. Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal; dan
 - vi. Permohonan hendaklah merangkumi keseluruhan dapur premis.
- b. Industri Kecil**
- i. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap premis makanan dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - ii. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis makanan;
 - iii. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020;
 - iv. Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal; dan
 - v. Permohonan hendaklah merangkumi keseluruhan dapur premis.
- (v) **Premis Bergerak**
- a. Syarikat dan/ atau pemohon yang membuat permohonan SPHM hendaklah menjalankan penyediaan dan pemprosesan sepenuhnya di premis bergerak berkenaan atau memiliki dapur berpusat;
 - b. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik dan

- bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020;
 - d. Premis hendaklah beroperasi mengikut lokasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan;
 - e. Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal;
 - f. Tempat simpanan khusus (seperti stor simpanan) untuk bahan ramuan dan peralatan hendaklah disediakan bagi premis bergerak yang menjalankan penyediaan dan pemprosesan sepenuhnya di premis bergerak tersebut; dan
 - g. Syarikat dan/ atau pemohon yang mempunyai minimum tiga (3) premis bergerak jenama sama hendaklah memenuhi keperluan premis makanan berangkai [klausula 18 (4) (j) (iii)].
- (vi) **Kafeteria di Medan Selera (Pengurusan Secara Berpusat)**
 - a. Permohonan SPHM hendaklah diuruskan oleh pihak pengurusan medan selera;
 - b. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - c. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di peringkat pengurusan;
 - d. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan. Wakil penyewa medan selera hendaklah menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Halal Dalaman;
 - e. HAS hendaklah dibangun di peringkat pengurusan dan dilaksana di setiap premis makanan berdasarkan Manual MHMS 2020; dan
 - f. Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal.
- (vii) **Kiosk**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia berjawatan tetap hendaklah dilantik bagi setiap premis makanan dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020;

- c. Makanan dan minuman hendaklah disediakan di dapur yang dipersijilkan halal; dan
- d. Syarikat dan/ atau pemohon yang mempunyai minimum tiga (3) kiosk menggunakan jenama sama hendaklah memenuhi keperluan premis makanan berangkai [klausula 18 (4) (j) (iii)].

(5) **Skim Produk Barang Gunaan**

- (a) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah memastikan produk yang dimohon SPHM terdiri daripada produk siap dan/ atau separa siap yang boleh memberi manfaat kepada pengguna selain daripada produk makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal dan peranti perubatan atau produk yang tidak mempunyai skim pensijilan khusus yang menepati kriteria di bawah:
 - (i) Wujud keraguan pada sumber bahan pembuatan atau ramuan yang berkemungkinan daripada sumber halal atau tidak halal, seperti barangan kulit, bahan pencuci dan penapis air; atau
 - (ii) Digunakan sebagai bahan bantuan pemrosesan (*processing aids*) dalam proses pengilangan atau pembuatan produk di bawah skim Pensijilan Halal Malaysia, seperti *bleaching earth*, tawas dan gas; dan
 - (iii) Tidak menimbulkan kekeliruan sekiranya dipersijilkan halal;
 - (iv) Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berwajib.
- (b) Keperluan MS 2200-2:2013 *Islamic Consumer Goods-Part 2: Usage of Animal Bone, Skin and Hair-General Guidelines*, MS 2565:2014 *Halal Packaging-General Guidelines*, MS 2594:2015 *Halal Chemicals For Use In Potable Water Treatment-General Guidelines* (yang mana berkaitan) serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
- (c) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:
 - (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan

bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;

- b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
- c. Jawatankuasa Halal Dalamannya hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
- d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(ii) **Industri Kecil**

- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
- b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
- c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(iii) **Industri Mikro**

- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
- b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(6) **Skim Perkhidmatan Logistik**

- (a) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah terdiri daripada logistik pengangkutan, penggudangan dan peruncitan sahaja; termasuklah perkhidmatan logistik bersepadu (*integrated logistics services*) dan fasiliti rantai sejuk (*cold chain facilities*);
- (b) Syarikat dan/ atau pemohon yang menyimpan barang-barang berduit hendaklah memiliki lesen penggudangan yang berkaitan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berkaitan);
- (c) Pengangkutan *container bulk*, *bulk liquid* dan pengangkutan umum kenderaan komersial yang digunakan dalam pengangkutan *container bulk*, *bulk liquid* dan pengangkutan am (*general haulage and freight*), hendaklah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan mendapatkan permit pengangkutan barang daripada agensi

- berkaitan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (jika berkaitan);
- (d) Syarikat ejen pengiriman barang (*freight forwarding*) atau ejen kastam dan ejen perkapalan hendaklah mendapatkan lesen yang berkaitan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berkaitan);
 - (e) Syarikat dan/ atau pemohon yang menjalankan penyimpanan produk daging dan hasilan daging hendaklah memiliki permit import daripada JPV (jika berkaitan);
 - (f) Syarikat dan/ atau pemohon kategori peruncitan hendaklah terdiri daripada syarikat yang menjalankan pengedaran atau perdagangan produk dan peruncit makanan seperti kedai runcit, kedai serbaneka dan pasar raya;
 - (g) Maklumat pengangkutan, penggudangan dan peruncitan yang dimohon SPHM hendaklah diisytiharkan secara terperinci di dalam borang permohonan MYeHALAL;
 - (h) Keperluan MS 2400-1:2019 *Halal Supply Chain Management System-Part 1: Transportation-General Requirements (First Revision)*, MS 2400-2:2019 *Halal Supply Chain Management System-Part 2: Warehousing-General Requirements (First Revision)*, MS 2400-3:2019 *Halal Supply Chain Management System-Part 3: Retailing-General Requirements (First Revision)* serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
 - (i) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:
 - (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan perkhidmatan logistik sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan

- d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.
- (ii) **Industri Kecil**
- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan perkhidmatan logistik sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.
- (iii) **Industri Mikro**
- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di perkhidmatan logistik sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
 - b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.
- (j) Permohonan bagi kategori PENGANGKUTAN hendaklah memenuhi keperluan khusus tambahan yang berikut:
- (i) Keseluruhan rangkaian pengangkutan hendaklah tidak mengangkut dan mengendalikan sebarang bahan dan/ atau produk yang dikategorikan sebagai najis *mughallahazah*;
 - (ii) Pengangkutan yang dipersijilkan halal hendaklah mengangkut dan mengendalikan produk halal sahaja;
 - (iii) Sistem pengesanan kenderaan hendaklah dibangun dan dilaksanakan secara efektif;
 - (iv) Pengangkutan yang dipersijilkan halal hendaklah dikenal pasti dan ditandakan dengan jelas;
 - (v) Keseluruhan rangkaian pengangkutan bagi perkhidmatan penghantaran makanan hendaklah dipersijilkan halal; dan
 - (vi) Pekerja termasuklah pemandu hendaklah tidak membawa makanan dan/ atau minuman, haiwan dan apa-apa bahan tidak halal ketika bertugas.

- (k) Permohonan bagi kategori PENGGUDANGAN hendaklah memenuhi keperluan khusus tambahan yang berikut:
- (i) Keseluruhan kawasan premis hendaklah tidak menyimpan sebarang bahan dan/ atau produk yang dikategorikan sebagai najis *mughallazah*;
 - (ii) Lot yang dipersijilkan halal hendaklah menyimpan dan mengendalikan produk halal sahaja;
 - (iii) Sistem pengurusan penggudangan hendaklah dibangun dan dilaksanakan secara efektif;
 - (iv) Lot yang dipersijilkan halal hendaklah dikenal pasti dan diasingkan secara fizikal; dan
 - (v) Penyimpanan bagi bahan dan/ atau produk yang dipersijilkan halal dan produk halal yang tidak dipersijilkan (di lot yang dipersijilkan halal) hendaklah diwujudkan pengasingan dan pelabelan yang jelas.
- (l) Permohonan bagi kategori PERUNCITAN hendaklah memenuhi keperluan khusus tambahan yang berikut:
- (i) Keseluruhan kawasan premis hendaklah tidak mengendali, mempamer dan menjual sebarang bahan dan/ atau produk yang dikategorikan sebagai najis *mughallazah*;
 - (ii) Permohonan peruncitan bagi kategori pengedar (*distributor*) dan pedagang (*trader*) hendaklah mengendali dan menjual bahan dan/ atau produk halal sahaja;
 - (iii) Permohonan peruncitan bagi kategori peruncit makanan hendaklah mengendali, mempamer dan menjual bahan dan/ atau produk halal sahaja di seksyen yang dipersijilkan halal;
 - (iv) Peruncit makanan yang mengendali, mempamer dan menjual bahan dan/ atau produk tidak halal (kecuali najis *mughallazah*), seksyen tidak halal tersebut hendaklah mempunyai mekanisme kawalan yang berkesan meliputi:
 - a. kawasan berasingan dan ditandakan dengan jelas;
 - b. penyimpanan berasingan dan ditandakan dengan jelas;
 - c. troli dan/ atau bakul khusus di seksyen tersebut;
 - d. kaunter pembayaran khusus di seksyen tersebut; dan

- e. dikendalikan oleh orang bukan Islam sahaja.
- (v) Sistem pengurusan peruncitan hendaklah dibangun dan dilaksanakan secara efektif; dan
- (vi) Susun atur barangan hendaklah mengikut kategori yang telah ditetapkan seperti bahan mentah basah, kering dan sebagainya.

(7) Skim Rumah Sembelihan

- (a) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah terdiri daripada rumah sembelihan haiwan halal bagi tujuan komersial di bawah kategori poltri (seperti ayam, itik, puyuh, angsa, ayam belanda, burung unta dan burung merpati) dan ruminan (seperti kambing, biri-biri, rusa, lembu, kerbau dan unta); juga termasuklah arnab dan landak;
- (b) Rumah sembelihan hendaklah memiliki Skim Pensijilan Veterinar atau surat perakuan atau surat sokongan yang masih sah daripada JPV (yang mana berkaitan);
- (c) Setiap pengendali makanan hendaklah memiliki Sijil Latihan Pengendali Makanan daripada institusi yang diiktiraf oleh KKM;
- (d) Setiap pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan vaksinasi anti tifoid yang masih sah daripada pengamal perubatan berdaftar;
- (e) Keperluan MS 1500:2009 *Halal Food-Production, Preparation, Handling and Storage-General Guidelines (Second Revision)*, MS 1500:2019 *Halal Food-General Requirements (Third Revision)*, *Animal Rules* 1962, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993, *Ordinance Sabah Slaughterhouse Rules* 2004 (Sabah), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi;
- (f) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:

- (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang penyembelih dan seorang (1) pemeriksa halal, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

- (ii) **Industri Kecil**
 - a. Minimum seorang (1) penyembelih dan seorang (1) pemeriksa halal, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis; dan
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020

- (g) Keperluan khusus tambahan yang berikut hendaklah dipatuhi:
 - (i) **Premis**
 - a. Rumah sembelihan hendaklah dikhususkan untuk aktiviti penyembelihan haiwan halal dan sembelihan halal sahaja;
 - b. Rumah sembelihan hendaklah mempunyai kelengkapan untuk menjalankan penyembelihan haiwan, pemprosesan dan penyimpanan produk sebelum diedar atau dijual; dan
 - c. Rumah sembelihan hendaklah direka bentuk dan dibina bagi memudahkan pembersihan dan penyahjangkitan serta mempunyai kemudahan dari segi ruang yang mencukupi seperti yang berikut:
 - i. tempat pemunggahan atau penurunan dan penyimpanan sementara;
 - ii. tempat penyembelihan;
 - iii. tempat pemprosesan;
 - iv. tempat penyimpanan sementara sebelum diagihkan;
 - v. tempat pengurusan sisa pepejal, sistem pengolahan efluen (SPE) dan sistem pengurusan enapcemar daripada SPE; dan

vi. stor penyimpanan peralatan dan pakaian.

(ii) **Haiwan**

- a. Haiwan hendaklah terdiri daripada haiwan halal sahaja;
- b. Haiwan hendaklah berkeadaan sihat dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa bertauliah yang berkenaan (JPV);
- c. Haiwan hendaklah dipastikan masih bernyawa (*hayah al-mustaqirrah*) ketika penyembelihan dilakukan; dan
- d. Haiwan hendaklah dikendalikan dengan baik dan memastikan kebajikan haiwan terpelihara.

(iii) **Penyembelih**

- a. Penyembelih hendaklah seorang (1) Muslim yang waras, *baligh*, mengamalkan ajaran Islam, mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai peraturan dan syarat asas berkaitan penyembelihan dalam Islam;
- b. Penyembelih hendaklah memiliki Tauliah Penyembelih yang masih sah daripada MAIN/ JAIN;
- c. Penyembelih hendaklah memastikan haiwan masih bernyawa (*hayah al-mustaqirrah*) ketika penyembelihan dilakukan;
- d. Bilangan penyembelih hendaklah mencukupi untuk memastikan sembelihan dapat dilaksanakan dengan sempurna ke atas haiwan;
- e. Penyembelih boleh bergilir atau bertukar tugas dengan pemeriksa halal yang memiliki Tauliah Penyembelih yang masih sah; dan
- f. Pertukaran penyembelih hendaklah dilakukan setelah sembelihan mencapai maksimum 3000 ekor bagi poltri dan maksimum 50 ekor bagi ruminan.

(iv) **Pemeriksa Halal**

- a. Pemeriksa hendaklah seorang (1) Muslim yang waras, *baligh*, mengamalkan ajaran Islam, mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai peraturan dan syarat asas berkaitan penyembelihan dalam Islam;
- b. Pemeriksa hendaklah memiliki Tauliah Penyembelih yang masih sah daripada MAIN/ JAIN sekiranya turut terlibat menjalankan penyembelihan;
- c. Bilangan pemeriksa hendaklah mencukupi dan berada di tempat (*checkpoint*) yang bersesuaian di sepanjang proses penyembelihan bagi memastikan pemeriksaan

dan penelitian dapat dilaksanakan dengan sempurna ke atas haiwan seperti hal yang berikut:

- i. Haiwan masih bernyawa (*hayah al-mustaqirrah*) ketika sembelihan dilakukan;
 - ii. Saluran pernafasan (*halkum*) putus dengan sempurna;
 - iii. Saluran makanan (*merih*) putus dengan sempurna;
 - iv. Kedua-dua *carotid artery* dan *jugular vein* (*wadajain*) putus dengan sempurna;
 - v. Haiwan dikenal pasti telah mati sebelum aktiviti pemprosesan selanjutnya; dan
 - vi. Pelalian (*stunning*) tidak menyebabkan kematian dan/ atau keretakan pada tengkorak haiwan sembelihan.
- d. Haiwan yang tidak sempurna disembelih dan tidak mematuhi syarat pelalian (*stunning*) hendaklah diasingkan serta dilabelkan sebagai tidak halal; dan
- e. Pemeriksa boleh bergilir atau bertukar tugas dengan penyembelih sekiranya memiliki Tauliah Penyembelih yang masih sah.

(v) **Alat Sembelihan**

- a. Alat sembelihan hendaklah tidak diperbuat daripada tulang, kuku dan gigi;
- b. Alat sembelihan hendaklah dikhususkan untuk menjalankan penyembelihan haiwan halal sahaja;
- c. Pisau yang digunakan hendaklah tajam, bersesuaian dan mencukupi dengan kapasiti penyembelihan; dan
- d. Pisau atau mata pisau hendaklah bersih daripada darah dan kotoran lain dengan menggunakan air yang mengalir.

(vi) **Pengendalian**

- a. Haiwan hendaklah dikendalikan dengan baik bagi memastikan kebajikan haiwan terpelihara sebelum dan semasa dibawa ke tempat sembelihan;
- b. Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan niat kerana Allah dan bukan untuk tujuan selain daripada Allah;
- c. *Tasmiyah* hendaklah dilafazkan ketika penyembelihan dilakukan;
- d. Penyembelihan digalakkan mengadap kiblat;
- e. Penyembelihan hendaklah dilaksanakan dengan memutuskan saluran pernafasan (*halkum*), saluran

makanan (merih) dan kedua-dua *carotid artery* dan *jugular vein* (*wadajain*);

- f. Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan memotong pada bahagian leher di bawah biji halkum bagi haiwan berleher pendek dan selepas biji halkum bagi haiwan berleher panjang;
- g. Penyembelihan hendaklah dijalankan dengan sekali sembelihan sahaja. Pergerakan pisau yang berulang-ulang adalah dibenarkan selagi pisau tersebut tidak diangkat;
- h. Pendarahan haiwan hendaklah berlaku secara spontan dan sempurna;
- i. Proses susulan bagi haiwan yang telah disembelih hendaklah dilakukan selepas haiwan tersebut telah dipastikan mati. *Minor procedure* berkaitan keselamatan makanan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti *oesophageal clipping* adalah dibolehkan;
- j. Tempoh pendarahan hendaklah mencukupi bagi memastikan haiwan mati dengan sempurna;
- k. Haiwan yang telah disembelih hendaklah tidak dilonggok dan dibiarkan bertindihan bagi mengelakkan haiwan tersebut mati kelemasan;
- l. Prosedur penyembelihan haiwan yang tidak mematuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah dibangunkan dan pelaksanaannya adalah tidak terhad kepada kaedah yang berikut:
 - i. dikeluarkan dari aliran pemprosesan halal; atau
 - ii. dilupuskan; atau
 - iii. diproses di premis lain;
- m. Haiwan sembelihan yang tidak mematuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah dikenal pasti, diasing, ditanda dengan jelas dan dilabel sebagai tidak halal;
- n. Proses penceluran bagi poltri hendaklah dilakukan selepas haiwan mati dengan sempurna; dan
- o. Aktiviti yang terlibat dalam penyembelihan seperti mencelur, melapah, memotong dan membungkus hendaklah dijalankan di premis yang sama.

(vii) **Pelalian (*Stunning*)**

- a. Pelaksanaan pelalian (*stunning*) ke atas haiwan adalah tidak digalakkan;

- b. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa hendaklah dipatuhi sekiranya pelalian (*stunning*) dijalankan;
- c. Alat pelalian (*stunning*) hendaklah sentiasa di bawah penyeliaan pekerja Muslim yang terlatih dan dipantau secara berkala oleh pihak berkuasa berwibawa;
- d. Panel kawalan pelalian (*stunning*) hendaklah sentiasa di bawah kawalan pihak yang diberi kuasa termasuklah perlu dikunci, tidak mudah diakses oleh lain-lain pihak dan tidak mudah ubah laras tanpa kawalan;
- e. Haiwan hendaklah dipastikan masih bernyawa (*hayah al-mustaqirrah*) sebelum menjalani pelalian (*stunning*);
- f. Pelalian (*stunning*) hendaklah tidak menyebabkan haiwan mati atau mengalami kecederaan fizikal yang kekal;
- g. Alat pelalian (*stunning*) hendaklah dikhususkan untuk kegunaan haiwan halal dan tidak digunakan untuk haiwan yang berada dalam kategori najis *mughallazah*;
- h. Pelalian (*stunning*) hendaklah dilakukan sekali sahaja bagi setiap haiwan pada satu-satu masa;
- i. Kaedah pelalian (*stunning*) yang dibenarkan hendaklah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berwibawa; (Rujuk LAMPIRAN C)
- j. Pelalian (*stunning*) jenis elektrik dan *pneumatic percussive* adalah dibenarkan;
- k. Pelalian (*stunning*) jenis elektrik hendaklah digunakan di bahagian kepala sahaja di mana kedua-dua elektrod diletakkan pada bahagian kepala haiwan seperti kambing dan biri-biri;
- l. Alat pelalian (*stunning*) jenis elektrik bagi poltri (seperti ayam dan itik) yang dibenarkan adalah jenis takungan air (*waterbath*) sahaja;
- m. Kekuatan arus elektrik yang digunakan hendaklah diawasi oleh pekerja Muslim yang terlatih serta dipantau oleh pihak berkuasa berwibawa;
- n. Alat pelalian (*stunning*) *pneumatic percussive* hendaklah digunakan untuk haiwan besar seperti lembu dan kerbau sahaja;
- o. Tekanan udara yang digunakan pada alat pelalian (*stunning*) *pneumatic percussive* hendaklah tidak melebihi 225 psi dan hendaklah diselaraskan kepada kuasa minimum yang diperlukan semasa pelalian (*stunning*);

- p.* Kepala alat pelalian (*stunning*) *pneumatic percussive* hendaklah rata atau cembung, dilindungi kolar pelindung supaya kepala alat tersebut tidak keluar melebihi 3 mm;
- q.* Kepala haiwan hendaklah dipastikan tidak bergerak sebelum alat pelalian (*stunning*) *pneumatic percussive* dikenakan dan dihala tepat pada tulang dahi; dan
- r.* Alat pelalian (*stunning*) hendaklah dikalibrasi dan diselenggara secara berkala serta direkodkan.

(viii) **Rekod Sembelihan**

- a.* Rekod sembelihan harian hendaklah disediakan dengan tepat, lengkap, dikemas kini dan mudah untuk dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia; dan
- b.* Rekod sembelihan hendaklah mengandungi maklumat dan tidak terhad kepada yang berikut:
 - i.* rekod penerimaan haiwan hidup;
 - ii.* rekod bilangan haiwan disembelih;
 - iii.* rekod sembelihan salah;
 - iv.* rekod haiwan mati disebabkan pelalian (*stunning*); dan
 - v.* rekod haiwan dibuang (*rejected* atau *condemned*)

(8) **Skim Pengilangan Kontrak/ OEM**

- (*a*) Syarikat dan/ atau pemohon yang menjalankan pengilangan kontrak/ OEM hendaklah memperolehi SPHM di bawah skim pengilangan kontrak/ OEM sebelum layak menawarkan perkhidmatan pengilangan produk kepada syarikat lain;
- (*b*) Skim ini tidak boleh digunakan sebagai perakuan halal ke atas produk yang dikilangkan dan setiap produk yang ingin menggunakan logo halal hendaklah membuat permohonan SPHM mengikut skim yang berkaitan;
- (*c*) Syarikat dan/ atau pemohon SPHM di bawah skim ini hendaklah mengeluarkan atau mengendalikan atau menguruskan produk halal sahaja berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia yang berikut:
 - (*i*) Skim produk makanan dan minuman;
 - (*ii*) Skim produk kosmetik;
 - (*iii*) Skim produk farmaseutikal;

- (iv) Skim produk barangunaan;
 - (v) Skim rumah sembelihan; dan
 - (vi) Skim produk peranti perubatan.
- (d) Premis hendaklah memiliki Perakuan Pendaftaran Premis Makanan yang masih sah daripada BKKM (jika berkaitan);
 - (e) Rumah sembelihan hendaklah memiliki Skim Pensijilan Veterinar atau surat perakuan atau surat sokongan yang masih sah daripada JPV (jika berkaitan);
 - (f) Premis hendaklah memiliki Lesen Pengilang yang masih sah daripada NPRA (jika berkaitan);
 - (g) Premis hendaklah memiliki Lesen Establismen yang masih sah daripada MDA (jika berkaitan);
 - (h) Kontrak atau perjanjian bertulis atau persetujuan bersama untuk mengilang atau menghasilkan produk di antara syarikat pengilang dan syarikat pelanggan atau pemilik jenama (*brand owner*) hendaklah disediakan;
 - (i) Syarikat dan/ atau pemohon SPHM hendaklah memastikan pihak yang dilantik untuk menjalankan pengilangan produk secara kontrak memiliki SPHM terlebih dahulu;
 - (j) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang berasingan bagi setiap perkhidmatan pengilangan kontrak/ OEM; Contohnya pengilangan kontrak/ OEM produk makanan dan produk farmaseutikal hendak dibuat permohonan secara berasingan;
 - (k) Keperluan MS yang berkaitan serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
 - (l) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:

- (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalam premis hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan
 - d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

- (ii) **Industri Kecil**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
 - c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

- (iii) **Industri Mikro**
 - a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
 - b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksanakan berdasarkan Manual MHMS 2020.

(9) **Skim Produk Peranti Perubatan**

- (a) Setiap produk peranti perubatan hendaklah memiliki Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan yang masih sah daripada MDA atau memiliki surat pengecualian keperluan pendaftaran peranti perubatan daripada MDA;
- (b) Premis yang memproses dan menghasilkan produk peranti perubatan hendaklah memiliki Lesen Establismen yang masih sah daripada MDA;
- (c) Produk peranti perubatan yang dipersijilkan halal hendaklah menepati kriteria di bawah:

- (i) Wujud keraguan pada sumber bahan pembuatan atau ramuan yang berkemungkinan daripada sumber halal atau tidak halal khususnya berkaitan haiwan dan alkohol seperti *suture*, *humidifier* dan *dental floss*; atau
 - (ii) Lain-lain produk untuk tujuan yang sama (*similar intended purpose*) seperti yang disenaraikan di bawah tetapi tidak terhad kepada:
 - a. Produk dalam bentuk cecair seperti *dialysis/hemodialysis solution*, *saline solution balance salt solution*, *mouth wash*, *urethral lubricant*, *personal lubricant*, *disinfecting solution*, *wound irrigation solution*, *contact lens solution* dan *eye solution/lubricant*.
 - b. Produk jenis *grafting* seperti *skin graft/ surgical mesh*, *bone graft*, *vascular graft* dan *coronary stent graft*.
 - c. Produk jenis *implants* seperti *heart valve*, *stent*, *cochlear implant* dan *intraocular lens*.
 - d. Produk *prosthetic* seperti *prosthetic leg*, *prosthetic knees*, *prosthetic limb*, *prosthetic heart valve* dan *prosthetic ankle joint*; dan
 - (iii) Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berwajib.
- (d) Keperluan MS 2636:2019 *Halal Medical Device-General Requirements*, Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737), Peraturan-Peraturan Peranti Perubatan 2012 serta lain-lain perundangan dan peraturan terkini yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah dipatuhi; dan
- (e) Keperluan pekerja Muslim hendaklah dipatuhi dan MHMS hendaklah dilaksanakan secara berkesan dengan memenuhi elemen yang berikut:
- (i) **Industri Besar dan Sederhana**
 - a. Minimum dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
 - b. Eksekutif Halal hendaklah dilantik di setiap cawangan premis;
 - c. Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi premis dan setiap cawangan premis yang mempunyai pengurusan operasi berbeza; dan

d. HAS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.

(ii) **Industri Kecil**

- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif;
- b. Penyelia Halal hendaklah dilantik di premis; dan
- c. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.

(iii) **Industri Mikro**

- a. Minimum seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia, berjawatan tetap hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif; dan
- b. IHCS hendaklah dibangun dan dilaksana berdasarkan Manual MHMS 2020.

19. SISTEM KAWALAN HALAL DALAMAN (IHCS)

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon SPHM di bawah kategori kecil dan mikro hendaklah membangun dan melaksanakan IHCS bagi memenuhi keperluan khusus dalam Pensijilan Halal Malaysia;
- (2) Pembangunan dan pelaksanaan IHCS hendaklah memenuhi elemen yang berikut:
 - (a) Polisi halal;

Difahami dan disebarakan kepada semua pihak yang berkaitan.
 - (b) Prosedur kawalan bahan mentah atau pelanggan; dan
 - (i) Mampu menerangkan proses penentuan bahan mentah, pembekal atau pelanggan;
 - (ii) Menjelaskan proses kerja secara tepat sepertimana yang diamalkan di lapangan; dan
 - (iii) Direkod, didokumenkan serta boleh disemak semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.

- (c) Prosedur kebolehkesanan.
 - (i) Mampu menerangkan proses pengesanan semula bahan mentah, pembekal, pelanggan dan produk siap;
 - (ii) Menjelaskan proses kerja secara tepat sepertimana yang diamalkan di lapangan; dan
 - (iii) Direkod, didokumenkan serta boleh disemak semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.
- (3) Manual MHMS 2020 hendaklah dirujuk bagi memenuhi keperluan pembangunan dan pelaksanaan berdasarkan elemen-elemen IHCS yang ditetapkan.

20. SISTEM JAMINAN HALAL (HAS)

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon SPHM di bawah kategori besar dan sederhana hendaklah membangun dan melaksanakan HAS bagi memenuhi keperluan khusus dalam Pensijilan Halal Malaysia;
- (2) Eksekutif Halal hendaklah dilantik bagi setiap cawangan premis;
- (3) Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi setiap syarikat dan/ atau setiap cawangan yang mempunyai pengurusan operasi yang berbeza;
- (4) Jawatankuasa Halal Dalaman hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli seperti yang berikut:
 - (a) Pengerusi;
 - (b) Eksekutif Halal;
 - (c) Wakil bahagian perolehan atau pembelian; dan
 - (d) Wakil bahagian pemprosesan atau operasi.
- (5) Manual MHMS 2020 hendaklah dirujuk bagi memenuhi keperluan pembangunan dan pelaksanaan berdasarkan elemen-elemen HAS yang ditetapkan.

BAHAGIAN V PROSEDUR PERMOHONAN

21. BAHARU

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah memenuhi syarat dan kriteria permohonan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Prosedur 5, Manual Prosedur ini;
- (2) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mendaftar akaun pengguna sistem MYeHALAL di www.halal.gov.my sebelum membuat permohonan SPHM. Kelayakan pendaftaran akaun pengguna sistem MYeHALAL adalah berdasarkan nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing dan lain-lain agensi Kerajaan (yang mana berkaitan); (Rujuk LAMPIRAN D)
- (3) Pendaftaran akaun pengguna sistem MYeHALAL akan disahkan oleh pihak berkuasa berwajib dalam tempoh 24 jam hari bekerja;
- (4) Permohonan SPHM hendaklah dilakukan secara dalam talian (*online*) melalui sistem MYeHALAL setelah akaun pengguna disahkan;
- (5) Borang permohonan MYeHALAL hendaklah diisi dengan lengkap dan menepati keperluan yang berikut:
 - (a) Skim dan kategori permohonan hendaklah dipilih dengan betul;
 - (b) Semua maklumat hendaklah diisi dengan tepat, terperinci dan menyeluruh merangkumi maklumat syarikat dan/ atau pemohon, bahan mentah atau ramuan, pengeluar, produk, menu, perkhidmatan dan lain-lain yang berkaitan;
 - (c) Bahan mentah atau ramuan dan produk yang menggunakan kod hendaklah disertakan nama sebenar (bukan hanya *trade name*);
 - (d) Setiap permohonan hendaklah tidak melebihi 100 produk bagi semua skim Pensijilan Halal Malaysia kecuali skim premis makanan, skim perkhidmatan logistik dan skim pengilangan kontrak/ OEM;
 - (e) Nama produk atau menu yang didaftarkan hendaklah sama seperti yang tertera pada label pembungkusan dan/ atau paparan menu; dan

- (f) Nama produk atau menu dalam bahasa asing hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan/ atau Bahasa Inggeris.
- (6) Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa berwibawa (seperti yang dinyatakan di dalam sistem MYeHALAL pemohon) dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah borang permohonan MYeHALAL dihantar secara dalam talian (*online*); (Rujuk LAMPIRAN E)
 - (7) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah menolak permohonan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap serta tidak mengikut skim dan kategori Pensijilan Halal Malaysia yang betul;
 - (8) Permohonan hendaklah diuruskan oleh pihak berkuasa berwibawa berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia dan alamat pengilang. Syarikat dan/ atau pemohon boleh mengetahui pihak berkuasa berwibawa yang menguruskan permohonan berdasarkan maklumat yang tertera di akaun pengguna sistem MYeHALAL;
 - (9) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah tidak dibenarkan membuat permohonan pertukaran pihak berkuasa berwibawa yang menguruskan permohonan SPHM;
 - (10) Permohonan bagi dapur berpusat di bawah skim produk makanan dan minuman serta skim premis makanan kategori premis makanan berangkai hendaklah diuruskan oleh JAKIM;
 - (11) Permohonan bagi dua (2) atau lebih premis makanan yang menggunakan jenama yang sama dan beroperasi di negeri yang berlainan hendaklah diuruskan oleh JAKIM;
 - (12) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berurusan secara terus dengan syarikat dan/ atau pemohon tanpa melalui pihak ketiga atau orang tengah seperti konsultan;
 - (13) Semakan permohonan hendaklah dijalankan setelah semua dokumen sokongan diterima oleh pihak berkuasa berwibawa dan tempoh semakan bergantung kepada jumlah produk atau menu dan premis yang dimohon;
 - (14) Bayaran fi hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa setelah menerima surat bayaran fi;

- (15) Pembayaran fi yang lewat diterima oleh pihak berkuasa berwibawa akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak dan syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan semula permohonan baharu;
- (16) Sebarang penambahan produk, menu, premis makanan dan perkhidmatan serta perubahan pendaftaran syarikat hendaklah tidak dibenarkan setelah surat bayaran fi dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (17) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mendaftar akaun pengguna MYeHALAL dan mengemukakan permohonan baharu sekiranya berlaku perubahan pada pendaftaran syarikat;
- (18) Pengauditan lapangan hendaklah dijalankan setelah bayaran fi diterima oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (19) Syarikat dan/ atau pemohon yang layak berdasarkan setiap skim Pensijilan Halal Malaysia yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:
 - (a) Skim produk makanan dan minuman
 - (i) Pengusaha atau pengeluar;
 - (ii) Pengusaha pembungkusan semula;
 - (iii) Pengusaha dapur berpusat; dan
 - (iv) Pemilik jenama.
 - (b) Skim produk kosmetik
 - (i) Pengusaha atau pengeluar;
 - (ii) Pengusaha pembungkusan semula; dan
 - (iii) Pemilik jenama.
 - (c) Skim produk farmaseutikal
 - (i) Pengusaha atau pengeluar;
 - (ii) Pengusaha pembungkusan semula; dan
 - (iii) Pemilik jenama.

- (d) Skim premis makanan
 - (i) Pengusaha hotel (dapur dan/ atau restoran);
 - (ii) Pengusaha restoran atau kafe;
 - (iii) Pengusaha kantin;
 - (iv) Pengusaha kedai bakeri;
 - (v) Pengusaha premis makanan berangkai;
 - (vi) Pengusaha katering dan/ atau khidmat penyajian makanan;
 - (vii) Pengusaha dapur pusat konvensyen;
 - (viii) Pengusaha premis bergerak;
 - (ix) Pengusaha kafeteria di medan selera; dan
 - (x) Pengusaha kiosk.
- (e) Skim produk barang gunaan
 - (i) Pengusaha atau pengeluar;
 - (ii) Pengusaha pembungkusan semula; dan
 - (iii) Pemilik jenama.
- (f) Skim perkhidmatan logistik
 - (i) Pengusaha pengangkutan (darat, laut dan udara);
 - (ii) Pengusaha penggudangan; dan
 - (iii) Pengusaha peruncitan.
- (g) Skim rumah sembelihan
 - (i) Pengusaha rumah sembelihan ayam atau lain-lain poltri atau arnab;

- (ii) Pengusaha rumah sembelihan kambing, biri-biri, rusa, lembu, kerbau atau unta; dan
 - (iii) Pengusaha rumah sembelihan lain-lain haiwan halal (tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berwibawa).
- (h) Skim pengilangan kontrak/ OEM
- (i) Pengilang; dan/ atau pengusaha pembungkusan semula bagi skim yang berikut:
 - a. Skim produk makanan dan minuman;
 - b. Skim produk kosmetik;
 - c. Skim produk farmaseutikal;
 - d. Skim produk barang gunaan;
 - e. Skim rumah sembelihan; dan
 - f. Skim produk peranti perubatan.
 - (j) Skim produk peranti perubatan
 - (i) Pengusaha atau pengeluar;
 - (ii) Pengusaha pembungkusan semula; dan
 - (iii) Pemilik jenama.

22. PEMBAHARUAN

- (1) Permohonan SPHM hendaklah dilakukan secara dalam talian (*online*) melalui sistem MYeHALAL di www.halal.gov.my;
- (2) Permohonan pembaharuan SPHM hendaklah dikemukakan seawal enam (6) bulan dan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh SPHM;
- (3) Permohonan pembaharuan SPHM yang telah tamat tempoh hendaklah dikategorikan sebagai permohonan baharu;
- (4) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah merujuk Prosedur 21 (5), Manual Prosedur ini berkenaan keperluan pengisian borang permohonan MYeHALAL dan keperluan yang berikut:
 - (a) Sebarang penambahan produk, premis makanan dan menu baharu hendaklah tidak dibenarkan; dan

- (b) Sebarang pengemaskinian maklumat berkaitan nama produk, jenama dan menu hendaklah mengemukakan makluman rasmi kepada pihak berkuasa berwibawa.
- (5) Ringkasan bahan mentah atau ramuan hendaklah dikemukakan untuk memudahkan pengenalpastian perubahan dalam permohonan pembaharuan dan permohonan terdahulu; (Rujuk LAMPIRAN F)
 - (6) Permohonan yang tidak lengkap serta tidak mengikut skim dan kategori Pensijilan Halal Malaysia yang betul hendaklah ditolak oleh pihak berkuasa berwibawa;
 - (7) Permohonan hendaklah diuruskan oleh pihak berkuasa berwibawa berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia dan alamat pengilang. Syarikat dan/ atau pemohon boleh mengetahui pihak yang menguruskan permohonan berdasarkan maklumat yang tertera di akaun pengguna sistem MYeHALAL;
 - (8) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah tidak dibenarkan membuat permohonan pertukaran pihak berkuasa berwibawa yang menguruskan permohonan SPHM;
 - (9) Permohonan bagi dapur berpusat di bawah skim produk makanan dan minuman serta skim premis makanan kategori premis makanan berangkai hendaklah diuruskan oleh JAKIM;
 - (10) Permohonan bagi dua (2) atau lebih premis makanan yang menggunakan jenama yang sama dan beroperasi di negeri yang berlainan hendaklah diuruskan oleh JAKIM;
 - (11) Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa berwibawa (seperti yang dinyatakan di dalam sistem MYeHALAL pemohon) dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah borang permohonan MYeHALAL dihantar secara dalam talian (*online*);
 - (12) Bayaran fi hendaklah dijelaskan dalam 14 hari bekerja atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa setelah menerima surat bayaran fi; dan
 - (13) Pengauditan lapangan hendaklah dijalankan setelah bayaran fi diterima oleh pihak berkuasa berwibawa.

23. PENAMBAHAN

- (1) Permohonan penambahan hendaklah terbuka kepada syarikat dan/ atau pemohon di bawah skim premis makanan bagi penambahan menu atau menu promosi sahaja;
- (2) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan permohonan penambahan menu atau menu promosi bagi premis makanan yang masih sah dan berkenaan sahaja;
- (3) Permohonan SPHM hendaklah dilakukan secara dalam talian (*online*) melalui sistem MYeHALAL di www.halal.gov.my;
- (4) Borang permohonan MYeHALAL hendaklah diisi dengan lengkap dan hendaklah menepati keperluan yang berikut:
 - (a) Semua maklumat hendaklah diisi dengan tepat, terperinci, menyeluruh dan betul. Ini merangkumi maklumat syarikat, bahan mentah, pembekal, produk, menu, perkhidmatan dan lain-lain yang berkaitan;
 - (b) Produk dan bahan mentah yang menggunakan kod hendaklah disertakan nama sebenar (bukan hanya *trade name*);
 - (c) Nama produk dan menu yang dimohon hendaklah diisi sama seperti label pembungkusan atau senarai menu; dan
 - (d) Nama produk atau menu dalam bahasa asing hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan/ atau Bahasa Inggeris.
- (5) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut skim Pensijilan Halal Malaysia yang betul hendaklah ditolak oleh pihak berkuasa berwajib;
- (6) Permohonan hendaklah diuruskan oleh pihak berkuasa berwajib berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia dan alamat pengilang. Syarikat dan/ atau pemohon boleh mengetahui pihak yang menguruskan permohonan berdasarkan maklumat yang tertera di akaun sistem MYeHALAL;
- (7) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah tidak dibenarkan membuat permohonan pertukaran pihak berkuasa berwajib yang menguruskan permohonan SPHM;

- (8) Dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa berwibawa dalam tempoh lima (5) hari bekerja atau suatu tempoh yang telah ditetapkan setelah borang permohonan MYeHALAL dihantar secara dalam talian (*online*);
- (9) Bayaran fi hendaklah dijelaskan dalam 14 hari bekerja atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa setelah menerima surat bayaran fi;
- (10) Pengauditan lapangan hendaklah dijalankan setelah bayaran fi diterima oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (11) Penggunaan senarai menu tambahan atau menu promosi yang telah diluluskan hendaklah tertakluk kepada SPHM premis makanan yang masih sah.

24. PENGGABUNGAN

- (1) Mana-mana permohonan penggabungan SPHM hendaklah diklasifikasikan sebagai permohonan baharu;
- (2) Permohonan penggabungan SPHM yang masih sah atau baharu (jika berkaitan) hendaklah dibenarkan bagi kesemua skim Pensijilan Halal Malaysia kecuali skim pengilangan kontrak/ OEM dan skim perkhidmatan logistik;
- (3) Permohonan penggabungan SPHM hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tarikh pensijilan;
- (4) Penggabungan SPHM hendaklah melibatkan kesemua produk atau menu pada SPHM yang masih sah;
- (5) Permohonan penggabungan SPHM hendaklah disertakan bersama surat iringan yang jelas menyatakan butiran permohonan terdahulu;
- (6) Prosedur dan proses permohonan penggabungan SPHM hendaklah sebagaimana dinyatakan di bawah Prosedur 21, Manual Prosedur ini;
- (7) SPHM yang masih sah hendaklah terbatal sekiranya permohonan penggabungan berkenaan diluluskan oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (8) SPHM yang telah dibatalkan hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa berwibawa.

BAHAGIAN VI PENGAUDITAN

25. PEMAKLUMAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah mengeluarkan suatu pemakluman dan pemberitahuan kepada syarikat dan/ atau pemohon berkenaan tempoh tarikh pengauditan lapangan yang akan dijalankan;
- (2) Pemakluman dan pemberitahuan hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah yang bersesuaian; sama ada melalui e-mel, surat, telefon dan lain-lain;
- (3) Pihak syarikat dan/ atau pemohon tidak dibenarkan untuk meminda tarikh pengauditan lapangan; sekiranya terdapat keperluan yang munasabah pihak syarikat dan/ atau pemohon hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada pihak berkuasa berwibawa dengan kadar segera setelah menerima pemakluman tempoh tarikh pengauditan lapangan; dan
- (4) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mempertimbang dan memutuskan tempoh tarikh pengauditan lapangan yang dimuktamadkan.

26. SKOP

- (1) Pengauditan hendaklah merangkumi semua skop yang berikut:
 - (a) Profil syarikat dan/ atau pemohon;
 - (b) Dokumentasi dan rekod;
 - (c) Bahan mentah atau ramuan;
 - (d) Produk, menu dan perkhidmatan (yang mana berkaitan);
 - (e) Pemprosesan;
 - (f) Penyimpanan;
 - (g) Peralatan dan perkakasan;
 - (h) Pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan;
 - (i) Pengangkutan dan pengedaran;

- (j) Premis;
 - (k) Pekerja;
 - (l) Sanitasi;
 - (m) Kemudahan dan kebajikan pekerja;
 - (n) Latihan; dan
 - (o) MHMS
- (2) Pihak berkuasa berwibawa berkuasa menetapkan skop pengauditan berkaitan sesuatu permohonan SPHM sama ada perlu diperluas atau dikurangkan mengikut keperluan yang difikirkan wajar.

27. PENGAUDITAN KECUKUPAN

- (1) Semua permohonan SPHM hendaklah dijalankan pengauditan kecukupan untuk menyemak dan menilai borang permohonan MYeHALAL serta dokumen sokongan yang diterima daripada syarikat dan/ atau pemohon adalah menepati keperluan prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
- (2) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pengauditan kecukupan hendaklah berhak mendapatkan lain-lain maklumat berkaitan permohonan daripada syarikat dan/ atau pemohon sekiranya difikirkan perlu;
- (3) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pengauditan kecukupan hendaklah berhak menangguhkan proses permohonan SPHM atau menolak permohonan SPHM sekiranya maklumat berkaitan permohonan SPHM tidak mencukupi;
- (4) Tempoh masa pengauditan kecukupan hendaklah tertakluk kepada piagam pelanggan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (5) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pengauditan kecukupan hendaklah menyediakan laporan semakan dokumen berkaitan permohonan SPHM melalui sistem MYeHALAL;
- (6) Pengauditan kecukupan boleh dilakukan oleh sekurang-kurangnya seorang (1) pegawai pemeriksa yang dilantik oleh pihak berkuasa berwibawa;

- (7) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menentukan pegawai pemeriksa bagi menjalankan pengauditan kecukupan dan pengauditan lapangan adalah pegawai yang sama atau sebaliknya; dan
- (8) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah memberikan sepenuh kerjasama kepada pegawai pemeriksa dalam proses pengauditan kecukupan.

28. PENGAUDITAN LAPANGAN

- (1) Pengauditan lapangan hendaklah merangkumi perkara yang berikut:
 - (a) Mesyuarat pembukaan;
 - (b) Semakan dokumen;
 - (c) Pemeriksaan lapangan;
 - (d) Penyediaan laporan; dan
 - (e) Mesyuarat penutup.
- (2) Pengauditan lapangan hendaklah dikendalikan oleh minimum dua (2) orang pegawai pemeriksa yang berkelayakan dalam:
 - (a) Bidang hal ehwal Islam; dan/ atau
 - (b) Bidang teknikal yang berkaitan.
- (3) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menetapkan bidang kelayakan pegawai pemeriksa yang ditugaskan menjalankan pengauditan lapangan tanpa terikat kepada keperluan Prosedur 28 (2), Manual Prosedur ini;
- (4) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa melibatkan pihak ketiga seperti badan akreditasi dan pihak berkuasa lain semasa pengauditan lapangan dijalankan;
- (5) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah bersedia pada setiap masa untuk diaudit, menyediakan suatu bentuk pembentangan ringkas berkaitan permohonan SPHM serta menyediakan dokumen dan rekod yang diperlukan semasa pengauditan lapangan dijalankan;

- (6) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak menamatkan pengauditan lapangan sekiranya syarikat dan/ atau pemohon tidak memberikan kerjasama atau tidak bersedia untuk diaudit;
- (7) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak diberi akses kepada keseluruhan premis termasuklah:
 - (a) Diberi hak menemuramah mana-mana pihak yang berkaitan; dan
 - (b) Diberi hak mengambil gambar, salinan dokumen, sampel bagi tujuan pembuktian.
- (8) Pegawai pemeriksa hendaklah mengemukakan salinan laporan pengauditan lapangan dan diserahkan kepada syarikat dan/ atau pemohon untuk simpanan dan tindakan lanjut;
- (9) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pengauditan lapangan hendaklah menyediakan laporan pengauditan lapangan berkaitan permohonan SPHM melalui sistem MYeHALAL;
- (10) Kegagalan syarikat dan/ atau pemohon mematuhi prosedur pengauditan lapangan yang ditetapkan boleh menjejaskan permohonan SPHM; dan
- (11) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak mengesyorkan pembatalan permohonan sekiranya:
 - (a) Syarikat dan/ atau pemohon tidak berminat untuk meneruskan permohonan SPHM;
 - (b) Permohonan yang tidak menepati skim atau kategori permohonan Pensijilan Halal Malaysia;
 - (c) Perubahan alamat lokasi premis;
 - (d) Syarikat dan/ atau pemohon sudah tidak beroperasi di lokasi premis yang dinyatakan di dalam borang permohonan MYeHALAL;
 - (e) Syarikat dan/ atau pemohon gagal memberikan kerjasama semasa pengauditan lapangan; dan
 - (f) Lain-lain situasi yang difikirkan wajar oleh pegawai pemeriksa.

29. PENGAUDITAN SUSULAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menetapkan pengauditan susulan atau semula bagi tujuan verifikasi ke atas syarikat dan/ atau pemohon selepas tindakan pembetulan dilaksanakan;
- (2) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mengarahkan pengauditan susulan atau semula dijalankan ke atas mana-mana permohonan SPHM;
- (3) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menentukan pegawai pemeriksa bagi menjalankan pengauditan lapangan susulan atau semula adalah pegawai yang sama atau sebaliknya;
- (4) Prosedur pengauditan lapangan di bawah Prosedur 28, Manual Prosedur ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengauditan susulan atau semula;
- (5) Pengauditan susulan atau semula hendaklah dijalankan sekali sahaja bagi mana-mana permohonan SPHM; dan
- (6) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pengauditan lapangan hendaklah menyediakan laporan pengauditan lapangan susulan atau semula berkaitan permohonan SPHM melalui sistem MYeHALAL.

30. KETIDAKAKURAN

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan maklum balas dan jawapan NCR kepada pegawai pemeriksa mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (2) Maklum balas dan jawapan NCR hendaklah dikemukakan secara rasmi dengan memenuhi perkara-perkara yang berikut:
 - (a) Didokumenkan secara bertulis;
 - (b) Mengemukakan maklum balas secara terus, spesifik dan jelas berkaitan tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan; dan
 - (c) Mengemukakan dokumen sokongan (seperti jadual, resit, sijil halal, invois dan lain-lain) dan bukti bergambar serta hendaklah ditandakan dengan teratur dan sistematik.
- (3) Pegawai pemeriksa hendaklah menyediakan laporan berkaitan status NCR permohonan SPHM melalui sistem MYeHALAL; dan

- (4) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak mengesyorkan kepada Panel Pengesahan Halal Malaysia untuk menolak permohonan sekiranya pihak syarikat dan/ atau pemohon:
- (a) Gagal memberikan maklum balas dan jawapan NCR mengikut tempoh masa yang ditetapkan; atau
 - (b) Memberikan maklum balas dan jawapan NCR palsu serta tidak memenuhi keperluan prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

BAHAGIAN VII PEMANTAUAN

31. JENIS PEMANTAUAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menjalankan pemantauan ke atas semua pemegang SPHM mengikut kategori yang berikut:
 - (a) **Pemantauan berkala**
Pemeriksaan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa ke atas pemegang SPHM bagi menilai kepatuhan terhadap prosedur Pensijilan Halal Malaysia serta perundangan dan peraturan berkaitan; dan
 - (b) **Pemantauan susulan**
Pemeriksaan ke atas pemegang SPHM yang tidak mematuhi prosedur Pensijilan Halal Malaysia berdasarkan pemantauan terdahulu.
- (2) Pemantauan hendaklah dijalankan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai pemeriksa yang dilantik dan berkelayakan;
- (3) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa melibatkan pihak ketiga seperti badan akreditasi dan pihak berkuasa lain bagi menjalankan tugas berdasarkan bidang kuasa yang ada semasa pemantauan dijalankan;
- (4) Prosedur pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemeriksa hendaklah meliputi keseluruhan keperluan yang terkandung di dalam Manual Prosedur ini dan tidaklah hanya terhad kepada prosedur dan keperluan yang diperuntukan di bawah Bahagian VII Manual Prosedur ini;
- (5) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak menjalankan pemantauan tanpa pemakluman awal kepada pihak pemegang SPHM;
- (6) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak diberi akses kepada keseluruhan premis, dokumen dan termasuklah:
 - (a) Diberi hak menemuramah mana-mana pihak yang berkaitan; dan
 - (b) Diberi hak mengambil gambar, salinan dokumen, sampel bagi tujuan pembuktian.

- (7) Pemegang SPHM hendaklah sentiasa bersedia dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai pemeriksa ketika pemantauan dijalankan;
- (8) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pemantauan hendaklah mengemukakan salinan Notis Pemantauan Pensijilan Halal Malaysia atau Notis ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia atau Notis Penggantungan/ Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (yang mana berkaitan) kepada pemegang SPHM untuk simpanan dan/ atau tindakan lanjut;
- (9) Pegawai pemeriksa yang menjalankan pemantauan hendaklah menyediakan laporan pemantauan melalui sistem MYeHALAL; dan
- (10) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak mengesyorkan kepada Panel Pengesahan Halal Malaysia JAKIM atau MAIN/ JAIN untuk menarik balik SPHM sekiranya pemegang SPHM:
 - (a) Gagal memberikan maklum balas dan jawapan NCR mengikut tempoh masa yang ditetapkan;
 - (b) Memberikan maklum balas dan jawapan NCR yang tidak memenuhi keperluan prosedur Pensijilan Halal Malaysia; dan
 - (c) Didapati melakukan ketidakakuran SERIUS berkaitan Syariah.

32. KATEGORI KETIDAKAKURAN

(1) Ketidakakuran KECIL

Pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran teknikal seperti yang berikut adalah merupakan suatu ketidakakuran KECIL:

- (a) Penukaran atau penambahan pengeluar atau pengilang atau pembekal bahan mentah sedia ada yang memiliki sijil halal yang sah tanpa memaklumkan secara bertulis kepada pihak berkuasa berwibawa;
- (b) Penambahan bahan mentah bagi produk atau menu sedia ada yang berlainan dari senarai bahan mentah atau menu yang didaftarkan dalam sistem MYeHALAL;
- (c) Ketidakakuran berkaitan dokumen dan rekod. (Contoh: resit pembelian bahan mentah dan rekod pengeluaran produk gagal dikemukakan);

- (d) Ketidakakuran berkaitan kesihatan, kebersihan dan sanitasi pekerja dan pelawat. (Contoh: gagal mendapatkan suntikan vaksinasi anti tifoid, tiada rekod kursus pengendalian makanan, menyimpan barangan peribadi di kawasan pemprosesan dan merokok di tempat larangan);
- (e) Ketidakakuran berkaitan GMP ke atas premis, persekitaran, sanitasi dan peralatan yang mendatangkan risiko rendah kepada keselamatan produk. (Contoh: bahan mentah atau produk siap diletakkan secara terus di lantai tanpa alas seperti *pallet* dan penggunaan tong sampah tidak bebas tangan);
- (f) Ketidakakuran berkaitan latihan halal. (Contoh: pekerja tidak mengikuti latihan halal);
- (g) Ketidakakuran berkaitan kemudahan dan kebajikan pekerja. (Contoh: kemudahan ruang solat tidak disediakan);
- (h) Ketidakakuran berkaitan pertambahan premis yang telah dipersijilkan tanpa makluman kepada pihak berkuasa berwajib. (Contoh: pertambahan lot yang melibatkan aliran pengeluaran (*production line*), gudang penyimpanan);
- (i) Ketidakakuran berkaitan nama produk, menu, dan maklumat pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan yang tidak sama seperti maklumat pada SPHM;
- (j) Ketidakakuran berkaitan pemegang SPHM di bawah skim perkhidmatan logistik meliputi perubahan dan/ atau penambahan perkhidmatan atau aktiviti atau barangan, kontrak perjanjian bertulis, sistem pengesanan dan penandaan yang jelas;
- (k) Ketidakakuran berkaitan kontrak atau perjanjian bertulis atau persetujuan bersama. (Contoh: kontrak antara pemilik jenama dan pengilang kontrak gagal dikemukakan);
- (l) Ketidakakuran berkaitan premis, produk, menu dan perkhidmatan yang dimohon termasuk keperluan memohon semua produk dan menu mengikut skim Pensijilan Halal Malaysia dan dihasilkan secara konsisten. (Contoh: menu promosi tidak mendapat pengesahan halal dan produk yang dipersijilkan halal tidak pernah dihasilkan sepanjang tempoh sah laku SPHM); dan

- (m) Ketidakakuran berkaitan kegagalan mematuhi MS, prosedur, peraturan dan pekeliling berkaitan yang hanya memberi kesan minimum kepada Pensijilan Halal Malaysia.

(2) **Ketidakakuran BESAR**

Pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran teknikal seperti yang berikut adalah merupakan suatu ketidakakuran BESAR:

- (a) Ketidakakuran berkaitan bahan mentah atau ramuan yang selain daripada ketidakakuran KECIL dan ketidakakuran SERIUS. (Contoh: penambahan pembekal bahan mentah atau ramuan yang diragui status halal);
- (b) Ketidakakuran berkaitan penggunaan atau penyalahgunaan SPHM dan/ atau logo Halal Malaysia. (Contoh: mempamerkan SPHM yang telah tamat tempoh);
- (c) Ketidakakuran berkaitan GMP ke atas premis, persekitaran, sanitasi dan peralatan yang mendatangkan risiko tinggi kepada keselamatan produk. (Contoh: bahan mentah atau produk dicemari najis tikus);
- (d) Ketidakakuran berkaitan alat dan unsur penyembahan di kawasan pemrosesan. (Contoh: tokong berhala ditempatkan di kawasan dapur hotel);
- (e) Ketidakakuran berkaitan peralatan dan perkakasan yang boleh memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia. (Contoh: penggunaan gelas minuman yang berlabel jenama minuman keras);
- (f) Ketidakakuran berkaitan Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) yang tidak berkesan dan tidak memuaskan; (Contoh: prosedur kawalan bahan mentah tidak dipatuhi);
- (g) Ketidakakuran berkaitan melanggar perundangan dan peraturan pihak berkuasa yang berkaitan. (Contoh: premis tidak memiliki lesen yang sah daripada PBT);
- (h) Ketidakakuran berkaitan Eksekutif Halal, Penyelia Halal dan pekerja Muslim termasuklah penyembelih dan pemeriksa halal. (Contoh: bilangan pekerja Muslim tidak memenuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia);

- (i) Ketidakakuran berkaitan penggunaan nama syarikat, produk, menu, jenama, label yang merujuk kepada produk tidak halal atau sinonim atau menyerupai produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan dan menyebabkan kebarangkalian berlaku penyelewengan akidah, khurafat dan penipuan. (Contoh: penggunaan nama produk *bak kut teh* dan produk air jampi);
- (j) Ketidakakuran berkaitan pelabelan termasuklah perkataan, lambang, ilustrasi, istilah atau nama yang menyalahi Hukum Syarak pada pembungkusan atau pelabelan;
- (k) Ketidakakuran berkaitan mekanisme kawalan bagi tempat tinggal pekerja, makanan dan minuman pekerja dan lain-lain unsur yang boleh menyebabkan pencemaran kepada produk yang dipersijilkan halal;
- (l) Ketidakakuran berkaitan rekod operasi sembelihan. (Contoh: syarikat gagal menyediakan rekod sembelihan tidak sempurna);
- (m) Ketidakakuran berulang melebihi dua (2) kali daripada mana-mana pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia. (Contoh: syarikat melakukan ketidakakuran KECIL berturut-turut dan berulang kali);
- (n) Ketidakakuran berkaitan kegagalan mematuhi arahan tindakan pembetulan ketidakakuran KECIL yang diarahkan oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (o) Ketidakakuran berkaitan kerjasama pihak syarikat semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia. (Contoh: menghalang pegawai pemeriksa daripada memasuki kawasan pemprosesan); dan
- (p) Ketidakakuran berkaitan kegagalan mematuhi MS, prosedur, peraturan dan pekeliling berkaitan yang memberi kesan ketara kepada Pensijilan Halal Malaysia.

(3) **Ketidakakuran SERIUS**

Pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran berbentuk syariah dan teknikal seperti yang berikut adalah merupakan suatu ketidakakuran SERIUS:

- (a) Ketidakakuran berkaitan Syariah:
- (i) Ketidakakuran berkaitan pengesahan status tidak halal terhadap sesuatu bahan mentah atau ramuan, produk, menu, perkhidmatan, peralatan dan lain-lain yang berkaitan oleh pihak berkuasa berwibawa dan/ atau badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf;
 - (ii) Ketidakakuran berkaitan penggunaan, pengendalian, penyimpanan, dan percampuran bahan tidak halal meliputi bahan mentah, produk, menu, perkhidmatan, premis, peralatan dan perkakasan, produk dagangan (*trading product*) dan lain-lain;
 - (iii) Ketidakakuran berkaitan membawa masuk makanan dan minuman termasuklah bahan mentah, produk dan lain-lain yang tidak halal ke premis yang dipersijilkan halal;
 - (iv) Ketidakakuran berkaitan pengendalian proses pelalian (*stunning*) yang menyebabkan kematian kepada haiwan atau hilangnya *hayah al-mustaqirrah*; dan
 - (v) Ketidakakuran berkaitan memproses haiwan yang tidak sempurna sembelihan atau tidak mati dengan sempurna sebagai produk yang dipersijilkan halal.
- (b) Ketidakakuran berkaitan teknikal:
- (i) Ketidakakuran berkaitan perubahan pengurusan dan nama syarikat tanpa makluman kepada pihak berkuasa berwibawa;
 - (ii) Ketidakakuran berkaitan memproses haiwan yang tidak sempurna sembelihan atau tidak mati dengan sempurna sebagai produk yang dipersijilkan halal;
 - (iii) Ketidakakuran berkaitan pemalsuan atau penyelewengan atau mengubahsuai maklumat yang terdapat pada SPHM dan/ atau logo Halal Malaysia;
 - (iv) Ketidakakuran berkaitan alat pelalian (*stunning*) diselia oleh pekerja bukan Muslim;

- (v) Ketidakakuran berkaitan penyembelih dan/ atau pemeriksa halal tidak mempunyai Tauliah Penyembelih yang sah atau tamat tempoh;
- (vi) Ketidakakuran berkaitan menggunakan bahan terlarang atau menyalahi mana-mana perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- (vii) Ketidakakuran berkaitan kegagalan mematuhi arahan tindakan pembetulan ketidakakuran BESAR.

33. TINDAKAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menetapkan tindakan ke atas pemegang SPHM yang didapati gagal mematuhi prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
- (2) Tindakan yang berikut boleh dikenakan ke atas pemegang SPHM:
 - (a) Pengeluaran Notis Ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia;
 - (b) Penggantungan SPHM;
 - (c) Penarikan balik SPHM;
 - (d) Pembekuan akaun MYeHALAL; atau
 - (e) Makluman status syarikat kepada umum.
- (3) Mana-mana syarikat pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran KECIL, hendaklah dikenakan tindakan seperti yang berikut:
 - (a) Dikeluarkan Notis Pemantauan Pensijilan Halal dan Notis ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia;
 - (b) Diberikan amaran untuk pembetulan dibuat serta merta atau dalam tempoh 14 hari atau mana-mana tempoh lain yang difikirkan wajar;
 - (c) Dijalankan pemantauan susulan atau semula selepas tamat tempoh yang ditetapkan (jika perlu);

- (d) Dikeluarkan Notis Penggantungan/ Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia sekiranya gagal melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh yang diarahkan;
 - (e) SPHM akan digantung serta merta;
 - (f) Status SPHM milik syarikat akan ditentukan oleh Panel Pengesahan Halal; dan
 - (g) Pihak berkuasa berwibawa boleh menyenaraikan syarikat yang digantung atau ditarik balik SPHM di dalam Portal Rasmi Halal Malaysia dan/ atau membekukan akaun syarikat untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan melalui sistem MYeHALAL.
- (4) Mana-mana syarikat pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran BESAR, hendaklah dikenakan tindakan seperti yang berikut:
- (a) Dikeluarkan Notis Pemantauan Pensijilan Halal Malaysia, Notis Ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia dan Notis Penggantungan/ Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia;
 - (b) SPHM digantung serta merta;
 - (c) Diberikan amaran untuk pembetulan dibuat serta merta atau dalam tempoh 14 hari atau mana-mana tempoh lain yang difikirkan wajar;
 - (d) Laporan penggantungan SPHM dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad sama ada:
 - (i) Perlu dibuat pemantauan susulan atau semula;
 - (ii) SPHM dikembalikan semula; atau
 - (iii) SPHM ditarik balik.
 - (e) Pihak berkuasa berwibawa boleh menyenaraikan syarikat yang digantung atau ditarik balik SPHM di dalam Portal Rasmi Halal Malaysia dan/ atau membekukan akaun syarikat untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan melalui sistem MYeHALAL.
- (5) Mana-mana syarikat pemegang SPHM yang didapati melakukan ketidakakuran SERIUS, hendaklah dikenakan tindakan seperti yang berikut:

- (a) Dikeluarkan Notis Pemantauan dan Notis Penarikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia;
 - (b) SPHM ditarik balik serta merta;
 - (c) Laporan penarikan balik SPHM dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad;
 - (d) Pihak berkuasa berwibawa boleh menyenaraikan syarikat yang ditarik balik SPHM di dalam Portal Rasmi Halal Malaysia dan/ atau membekukan akaun syarikat untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan melalui sistem MYeHALAL; dan
 - (e) Mana-mana dapur berpusat yang ditarik balik SPHM disebabkan oleh ketidakakuran SERIUS, maka semua premis makanan yang berkaitan hendaklah ditarik balik SPHM.
- (6) Pemegang SPHM yang dikenakan tindakan penggantungan atau penarikan balik SPHM hendaklah **DILARANG** menggunakan logo Halal Malaysia dan sebarang ungkapan atau label halal; dan
- (7) Pihak berkuasa berwibawa boleh meneruskan sebarang bentuk tindakan mengikut perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya difikirkan perlu.

BAHAGIAN VIII

SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA

34. PENGELUARAN SIJIL

- (1) JAKIM hendaklah berkuasa mengeluarkan SPHM berdasarkan senarai kelulusan yang diputuskan secara rasmi oleh Panel Pengesahan Halal Malaysia; (Rujuk LAMPIRAN G)
- (2) Senarai syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya dalam proses permohonan SPHM hendaklah dikeluarkan SPHM dalam tempoh masa lima (5) hari bekerja atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib setelah Panel Pengesahan Halal Malaysia membuat keputusan;
- (3) SPHM hendaklah dikeluarkan berdasarkan maklumat permohonan yang dinyatakan melalui sistem MYeHALAL dan perlulah direkodkan;
- (4) Pihak berkuasa berwajib hendaklah berkuasa menentukan kaedah pengeluaran SPHM sama ada secara cetakan manual atau digital;
- (5) Pengeluaran SPHM hendaklah mematuhi prosedur, memenuhi ciri-ciri keselamatan dan kerahsiaan pada sijil tersebut; dan
- (6) SPHM hendaklah diserahkan kepada syarikat dan/ atau pemohon melalui serahan tangan atau pos berdaftar.

35. TEMPOH SAH LAKU

- (1) Pihak berkuasa berwajib hendaklah berkuasa menentukan tempoh sah laku SPHM yang dikeluarkan kepada syarikat dan/ atau pemohon berdasarkan skim Pensijilan Halal Malaysia yang ditawarkan;
- (2) Syarikat dan/ atau pemohon yang lulus permohonan SPHM hendaklah dikeluarkan SPHM untuk tempoh yang berikut:
 - (a) Satu (1) tahun bagi permohonan di bawah skim rumah sembelihan;
 - (b) Dua (2) tahun bagi permohonan di bawah skim produk makanan dan minuman dan skim premis makanan;
 - (c) Tiga (3) tahun bagi permohonan di bawah skim produk kosmetik, skim produk farmaseutikal, skim produk barang gunaan, skim

perkhidmatan logistik, skim pengilangan kontrak/ OEM dan skim produk peranti perubatan; dan

- (d) Dua (2) tahun bagi permohonan syarikat dan/ atau pemohon yang berdaftar di luar negara dan menjalankan perusahaan, pengeluaran di dalam negara.
- (3) Tanpa terikat dengan Prosedur 35 (2) Manual Prosedur ini, pihak berkuasa berwajib hendaklah berkuasa menetapkan tempoh sah laku lima (5) tahun bagi permohonan syarikat dan/ atau pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan yang berikut:
- (a) Pemegang SPHM sekurang-kurangnya lima (5) tahun;
 - (b) Komited dalam mematuhi prosedur dan peraturan Pensijilan Halal Malaysia;
 - (c) Tiada ketidakakuran dikesan (termasuklah dalam aspek kebersihan) semasa pengauditan dan pemantauan;
 - (d) Tidak pernah dikenakan tindakan berkaitan dengan kawalan halal; dan
 - (e) MHMS dilaksanakan dengan berkesan.
- (4) Syarikat dan/ atau pemohon berhak menolak tawaran tempoh sah laku lima (5) tahun SPHM.

36. SYARAT PENGGUNAAN

- (1) Penggunaan SPHM hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan pada SPHM;
- (2) Syarikat pemegang SPHM hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa penyalahgunaan atau penyelewengan SPHM dan tertakluk kepada perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa;
- (3) Pihak berkuasa berwajib hendaklah berkuasa menggantung atau menarik balik atau menamatkan tempoh sah laku SPHM atau lain-lain tindakan yang difikirkan perlu pada bila-bila masa sekiranya didapati syarikat pemegang SPHM menyalahi prosedur Pensijilan Halal Malaysia atau dikenakan tindakan di bawah mana-mana perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa;

- (4) SPHM hendaklah tidak boleh diniaga, diberi pinjam, ditukar milik, dipalsu, disalahguna, atau dipinda isi kandungannya dengan apa cara sekalipun; dan
- (5) SPHM asal dan masih sah hendaklah dipamerkan pada setiap masa di alamat seperti yang dinyatakan pada sijil.

37. PINDAAN MAKLUMAT

- (1) Syarikat pemegang SPHM hendaklah membuat permohonan bagi pindaan maklumat pada SPHM sekiranya berlaku kesilapan dan kesalahan pada cetakan SPHM;
- (2) Permohonan pindaan maklumat pada SPHM hendaklah dikemukakan secara rasmi melalui urus setia Panel Pengesahan Halal Malaysia yang memutuskan kelulusan permohonan SPHM tersebut;
- (3) Pindaan nama syarikat pada SPHM hendaklah dibenarkan sekiranya tidak melibatkan pertukaran nombor pendaftaran syarikat dan alamat premis;
- (4) Pindaan maklumat produk, menu, premis makanan dan perkhidmatan pada SPHM hendaklah tidak dibenarkan; syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baharu atau penambahan produk;
- (5) JAKIM hendaklah berkuasa mengenakan bayaran fi cetakan semula SPHM sekiranya kesilapan yang dinyatakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian pihak syarikat dan/ atau pemohon; dan
- (6) SPHM yang asal hendaklah diserahkan semula kepada pihak berkuasa berwajib sebelum dikeluarkan SPHM baharu.

38. HILANG ATAU ROSAK

- (1) SPHM yang hilang atau rosak hendaklah dilaporkan dengan kadar segera kepada pihak berkuasa berwajib dengan mengemukakan surat rasmi berkaitannya;
- (2) Syarikat pemegang SPHM hendaklah mengemukakan salinan laporan polis berkaitan kehilangan atau kerosakan SPHM;

- (3) Urus setia Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah meneliti dan menyemak sebab kehilangan atau kerosakan SPHM sebelum mengeluarkan dan/ atau mengemukakan cetakan SPHM baharu;
- (4) JAKIM hendaklah berkuasa mengenakan bayaran fi cetakan semula SPHM sekiranya kehilangan atau kerosakan SPHM adalah disebabkan oleh kecuaiian pihak syarikat;
- (5) Syarikat pemegang SPHM hendaklah berhak dikecualikan bayaran fi cetakan semula SPHM sekiranya kehilangan atau kerosakan SPHM adalah disebabkan faktor luar jangka seperti bencana dan sebagainya tertakluk kepada pertimbangan pihak berkuasa berwibawa; dan
- (6) SPHM baharu hendaklah dikeluarkan berdasarkan maklumat permohonan yang dinyatakan melalui sistem MYeHALAL dan perlulah direkodkan.


39. PEMBATALAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa membuat pembatalan ke atas SPHM sekiranya:
 - (a) Permohonan pembatalan SPHM (keseluruhan atau sebahagian) secara sukarela oleh pihak syarikat;
 - (b) Syarikat pemegang SPHM telah tidak beroperasi di lokasi yang dinyatakan dalam SPHM;
 - (c) Pertukaran syarikat pengilangan kontrak;
 - (d) Produk dan/ atau perkhidmatan telah ditamatkan penghasilan atau operasi;
 - (e) Pengantian SPHM baharu seperti pembetulan maklumat SPHM; atau
 - (f) Lain-lain situasi yang difikirkan wajar oleh pihak berkuasa berwibawa.
- (2) SPHM yang telah dibatalkan hendaklah diserahkan semula kepada pihak berkuasa berwibawa; dan
- (3) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah merekodkan pembatalan SPHM melalui sistem MYeHALAL.

BAHAGIAN IX LOGO HALAL MALAYSIA

40. BENTUK DAN CIRI-CIRI

- (1) Logo Halal Malaysia hendaklah dicetak, dipamer mengikut bentuk dan ciri-ciri yang berikut:



- (2) Pemegang SPHM hendaklah dibenarkan mencetak warna logo Halal Malaysia mengikut kesesuaian selagi mana tidak mengubah spesifikasi logo Halal Malaysia.

41. SYARAT PENGGUNAAN

- (1) Logo Halal Malaysia hendaklah digunakan oleh pemegang SPHM yang masih sah tempoh dan mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa berwibawa;
- (2) Logo Halal Malaysia hendaklah tidak digunakan pada produk atau menu yang mempunyai lambang berunsur penyembahan dan keagamaan yang memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia;
- (3) Premis makanan hendaklah mempamerkan logo Halal Malaysia di tempat yang bersesuaian dan/ atau pada paparan menu;

- (4) Dapur hotel hendaklah mempamerkan logo Halal Malaysia di bahagian dapur sahaja dan tidak dibenarkan dipamer di pintu masuk dapur, kaunter pendaftaran hotel dan sebagainya;
- (5) Hotel yang dipersijilkan halal bagi restoran boleh mempamerkan logo Halal Malaysia di restoran tersebut;
- (6) Pemegang SPHM di bawah skim pengilangan kontrak/ OEM hendaklah tidak mengguna, mencetak, melekat dan mempamerkan logo Halal Malaysia pada produk yang diproses atau dikilangkan melainkan produk tersebut memiliki SPHM di bawah skim produk seperti skim produk makanan dan minuman, dan skim produk kosmetik;
- (7) Perkhidmatan pengangkutan, penggudangan dan peruncitan hendaklah menggunakan logo halal pada premis atau seksyen atau lot atau pengangkutan yang telah dipersijilkan halal oleh pihak berkuasa berwajib;
- (8) Logo Halal Malaysia hendaklah tidak boleh digunakan bagi tujuan pengiklanan kecuali disertakan bersama-sama produk dan/ atau perkhidmatan yang dipersijilkan halal dan hendaklah diletak dan dipamer di tempat yang bersesuaian;
- (9) Logo Halal Malaysia atau ungkapan halal di dalam iklan hendaklah tidak digunakan dengan tujuan dan/ atau boleh mengelirukan pengguna;
- (10) Logo halal boleh dicetak pada resit dan kepala surat (*letter head*) syarikat pemegang SPHM yang masih sah dan penggunaan logo halal pada kad nama (*name card*) atau kad perniagaan (*business card*) hendaklah tidak dibenarkan;
- (11) Penggunaan logo Halal Malaysia hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berwajib dan lain-lain agensi yang berkaitan;
- (12) Pihak berkuasa berwajib melarang dan menghalang penggunaan logo Halal Malaysia sekiranya didapati syarikat menyalahi prosedur Pensijilan Halal Malaysia atau dikenakan tindakan di bawah mana-mana perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa;
- (13) Pemegang SPHM yang dikenakan tindakan penggantungan SPHM hendaklah tidak menggunakan logo Halal Malaysia pada produk yang dihasilkan dalam tempoh penggantungan berkuatkuasa; dan

- (14) Premis makanan dan penyedia perkhidmatan yang dipersijilkan halal hendaklah tidak mempamerkan logo Halal Malaysia dalam tempoh penggantungan berkuatkuasa.

BAHAGIAN X PEGAWAI PEMERIKSA

42. PELANTIKAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi pegawai pemeriksa bagi maksud menjalankan pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia di bawah Manual Prosedur ini;
- (2) Pegawai pemeriksa yang dilantik hendaklah bebas dan tidak mempunyai, memperoleh atau memegang apa-apa kepentingan secara langsung dan tidak langsung dengan mana-mana syarikat dan/ atau pemohon;
- (3) Pelantikan pegawai pemeriksa hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (4) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menamat dan menarik balik pelantikan sebagai pegawai pemeriksa sekiranya didapati tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sebab-sebab yang munasabah; dan
- (5) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa bekerjasama dengan mana-mana agensi lain yang berkaitan dengan pelaksanaan pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.

43. BIDANG KUASA

- (1) Pegawai pemeriksa yang diberi kuasa hendaklah dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis, kawasan, ruang, bilik dalam kawasan pihak syarikat dan/ atau pemohon bagi maksud menjalankan pengauditan atau pemantauan serta menjalankan tugas yang berkaitan dengan skop Pensijilan Halal Malaysia;
- (2) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak membuat laporan kepada Panel Pengesahan Halal Malaysia berkaitan syarikat dan/ atau pemohon yang enggan memberi kuasa akses, menghalang, melengah dan enggan memberi maklumat dan kerjasama kepada pegawai pemeriksa;
- (3) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak mengambil sebarang sampel bahan mentah atau ramuan, pembungkusan, label, produk atau lain-lain yang difikirkan perlu bagi maksud menjalankan tugas yang berkaitan dengan skop Pensijilan Halal Malaysia;

- (4) Pegawai pemeriksa hendaklah diberikan kebenaran untuk mengambil gambar dan mendapatkan salinan dokumen dan rekod yang difikirkan perlu bagi tujuan pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia;
- (5) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak mengarahkan pihak syarikat dan/ atau pemohon untuk hadir di hadapannya sekiranya difikirkan perlu bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan permohonan Pensijilan Halal Malaysia; dan
- (6) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak membuat apa-apa syor yang difikirkan wajar berkenaan permohonan Pensijilan Halal Malaysia atau syarikat pemegang SPHM kepada Panel Pengesahan Halal Malaysia.

44. NILAI DAN ETIKA

Pegawai pemeriksa hendaklah sentiasa mematuhi nilai dan etika sebagai penjawat awam sama ada daripada sudut berpakaian, perwatakan, penampilan dan profesionalisme semasa menjalankan tugas.

BAHAGIAN XI

PANEL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA

45. PELANTIKAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi ahli panel bagi maksud membuat penilaian ke atas hasil pengauditan dan pemantauan Pensijilan Halal Malaysia di bawah Manual Prosedur ini;
- (2) Ahli panel yang dilantik hendaklah bebas dan tidak mempunyai, memperoleh atau memegang apa-apa kepentingan secara langsung dan tidak langsung dengan mana-mana syarikat dan/ atau pemohon;
- (3) Pelantikan ahli panel hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (4) Tempoh pelantikan ahli panel hendaklah berkuat kuasa selama dua (2) tahun atau mana-mana tempoh yang difikirkan wajar oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (5) Ahli panel yang dilantik boleh dibayar sejumlah elaun menghadiri mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (6) Pelantikan semula mana-mana ahli panel hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa berwibawa sebelum tamatnya tempoh keahlian panel.

46. KEAHLIAN

- (1) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:
 - (a) Seorang (1) pengerusi;
 - (b) Seorang (1) setiausaha;
 - (c) Seorang (1) pakar dalam bidang Syariah atau lulusan bidang Syariah; dan
 - (d) Seorang (1) pakar dalam bidang teknikal atau lulusan bidang teknikal.

- (2) Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM hendaklah menjadi pengerusi Panel Pengesahan Halal Malaysia peringkat JAKIM dan hendaklah melantik penggantinya mengikut kekananan pangkat apabila ketidakhadirannya;
- (3) Pengarah JAIN atau lain-lain jawatan yang dilantik oleh MAIN hendaklah menjadi pengerusi Panel Pengesahan Halal Malaysia peringkat MAIN/ JAIN dan hendaklah melantik penggantinya mengikut kekananan pangkat apabila ketidakhadirannya; dan
- (4) Wakil Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM hendaklah menjadi salah seorang daripada ahli Panel Pengesahan Halal Malaysia peringkat MAIN/ JAIN.

47. KUORUM

Bagi mana-mana mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia yang ditubuhkan di bawah Bahagian XI, Manual Prosedur ini, tiga (3) orang ahli mesyuarat, termasuk ahli yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

48. BIDANG KUASA

- (1) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa menimbang, menilai, mengkaji dan membuat keputusan pengauditan Pensijilan Halal Malaysia berdasarkan ketetapan yang berikut:
 - (a) Lulus;
 - (b) Lulus bersyarat;
 - (c) Tidak berjaya;
 - (d) Audit semula;
 - (e) Batal; atau
 - (f) Simpan dalam perhatian (*KIV*)
- (2) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa menimbang, menilai, mengkaji dan membuat keputusan pemantauan Pensijilan Halal Malaysia berdasarkan ketetapan yang berikut:

- (a) Penarikan balik SPHM; atau
 - (b) Penyerahan semula SPHM
- (3) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa menimbang, menilai, mengkaji dan membuat apa-apa keputusan terhadap isu-isu yang berbangkit berkaitan Pensijilan Halal Malaysia termasuklah membekukan akaun permohonan syarikat dan/ atau pemohon;
- (4) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah bertanggungjawab mengawal dan menyelaraskan Pensijilan Halal Malaysia mengikut perundangan dan peraturan, standard dan prosedur yang telah ditetapkan;
- (5) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa menubuhkan jawatankuasa kecil bagi membantu dan melancarkan urusan Pensijilan Halal Malaysia (jika perlu);
- (6) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa mengesah atau menolak syor dan keputusan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa kecil;
- (7) Panel Pengesahan Halal Malaysia peringkat JAKIM hendaklah berkuasa menimbang, menilai, mengkaji dan membuat keputusan ke atas hasil pengauditan dan pemantauan oleh MAIN/ JAIN (jika perlu); dan
- (8) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah bertanggungjawab tidak menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehi semasa mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia melainkan setelah diputuskan secara rasmi.

49. PENAMATAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menamat dan/ atau menarik balik pelantikan sebagai ahli panel sekiranya didapati tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sebab-sebab yang munasabah; dan
- (2) Keahlian panel hendaklah tamat secara automatik apabila ahli panel tidak lagi berkhidmat atau tidak menjawat jawatan yang dikhususkan tersebut.

50. JAWATANKUASA KECIL

- (1) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah berkuasa mengarahkan penubuhan jawatankuasa kecil untuk membantu membuat penilaian dan

menimbang permohonan syarikat dan/ atau pemohon berkaitan pengauditan dan pemantauan Pensijilan Halal Malaysia;

- (2) Keahlian jawatankuasa kecil hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli dan dilantik secara bertulis oleh pengerusi Panel Pengesahan Halal Malaysia;
- (3) Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah memastikan fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa kecil adalah jelas dan bersesuaian; dan
- (4) Jawatankuasa kecil hendaklah merekodkan setiap keputusan yang ditetapkan dan dilaporkan di dalam mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia.

51. PANEL RAYUAN

- (1) Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:
 - (a) Seorang (1) pengerusi;
 - (b) Seorang (1) setiausaha (Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM atau Pengarah JAIN atau lain-lain jawatan yang dilantik oleh MAIN);
 - (c) Seorang (1) ahli mewakili Pejabat Penasihat Undang-Undang; dan
 - (d) Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli yang dilantik.
- (2) Ketua Pengarah JAKIM hendaklah menjadi pengerusi Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia peringkat JAKIM dan hendaklah melantik penggantinya mengikut kekenanan pangkat apabila ketidakhadirannya;
- (3) Yang Di Pertua MAIN atau lain-lain jawatan yang dilantik oleh MAIN hendaklah menjadi pengerusi Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia peringkat MAIN/ JAIN dan hendaklah melantik penggantinya mengikut kekenanan pangkat apabila ketidakhadirannya;
- (4) Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM atau wakilnya boleh menjadi salah seorang daripada ahli Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia peringkat MAIN/ JAIN;

- (5) Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia peringkat JAKIM hendaklah berkuasa menimbang, menilai, mengkaji dan membuat keputusan ke atas permohonan rayuan yang diterima oleh MAIN/ JAIN (jika perlu); dan
- (6) Tiga (3) orang ahli mesyuarat, termasuk ahli yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia.

BAHAGIAN XII PENSAMPELAN

52. JENIS SAMPEL

- (1) Pegawai pemeriksa hendaklah berhak meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel bahan mentah, produk, peralatan dan lain-lain yang diragui status halal untuk tujuan analisis makmal;
- (2) Sampel yang diambil untuk analisis makmal hendaklah berkaitan dengan skop yang berikut:
 - (a) Alkohol;
 - (b) *Deoxyribonucleic Acid* (DNA);
 - (c) Fizikal (kulit dan bulu);
 - (d) Protein (*profiling* dan penentuan sumber);
 - (e) Lemak dan minyak (*profiling* dan penentuan sumber); dan
 - (f) Lain-lain skop analisis yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib
- (3) Pegawai pemeriksa juga hendaklah berhak meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel bahan mentah, produk, bahan pembungkusan, label dan lain-lain yang difikirkan perlu untuk penelitian Panel Pengesahan Halal Malaysia.

53. PROSEDUR

- (1) Pegawai pemeriksa hendaklah menjalankan pensampelan untuk tujuan analisis makmal mengikut Manual Prosedur Pensampelan Pensijilan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM; dan
- (2) Sampel yang diambil untuk penelitian Panel Pengesahan Halal Malaysia hendaklah mendapat persetujuan daripada pihak syarikat dan/ atau pemohon terlebih dahulu.

54. KOS

Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah menanggung keseluruhan kos yang terlibat dalam pensampelan.

55. MAKMAL ANALISIS

- (1) Sampel bagi tujuan pengauditan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah dihantar untuk analisis ke makmal-makmal yang berikut:
 - (a) *Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC)*;
 - (b) Jabatan Kimia Malaysia; atau
 - (c) Makmal-makmal Panel Halal yang dilantik.
- (2) Sampel bagi tujuan pemantauan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis.

BAHAGIAN XIII
TANGGUNGJAWAB PEMEGANG SIJIL

56. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

- (1) Setiap syarikat dan/ atau pemohon yang berjaya dalam permohonan SPHM hendaklah bersetuju menandatangani dan mematuhi Perjanjian Pensijilan Halal Malaysia; dan
- (2) Semua bahan mentah atau ramuan, produk, menu, perkhidmatan, premis dan aktiviti hendaklah mematuhi Manual Prosedur ini, Manual MHMS 2020, MS, prosedur, fatwa, pekeliling, perundangan dan peraturan terkini termasuklah lain-lain keperluan relevan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia dan/ atau negara pengeluar.

BAHAGIAN XIV PELBAGAI

57. INISIATIF SEGERA PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (ISPHM)

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menjalankan prosedur ISPHM terhadap permohonan syarikat dan/ atau pemohon yang dikategorikan senarai putih (*whitelist*) dan/ atau tidak kritikal tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa sahaja;
- (2) Syarikat senarai putih (*whitelist*) hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:
 - (a) Pemegang SPHM bagi tempoh minimum lima (5) tahun;
 - (b) Membangun, mengamal dan mengekalkan MHMS dengan baik dan berkesan;
 - (c) Rekod Pensijilan Halal Malaysia yang baik dan tiada rekod ketidakakuran BESAR atau SERIUS dalam tempoh lima (5) tahun pensijilan semasa;
 - (d) Mematuhi aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan pihak berkuasa berwibawa dalam tempoh enam (6) bulan yang terkini; dan
 - (e) Lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa.
- (3) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menarik balik penyenaian syarikat senarai putih (*whitelist*) pada bila-bila masa sekiranya didapati pemegang SPHM melanggar kriteria senarai putih (*whitelist*);
- (4) Permohonan dikategorikan sebagai tidak kritikal KECUALI melibatkan permohonan yang berikut:
 - (a) Permohonan baharu;
 - (b) Permohonan skim rumah sembelihan;
 - (c) Permohonan skim premis makanan kategori hotel (dapur dan/ atau restoran); dan
 - (d) Lain-lain permohonan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa.

- (5) Pelaksanaan ISPHM hendaklah terbahagi kepada:
- (a) *Fast track* tanpa audit lapangan;
Kelulusan segera terhadap permohonan dalam kategori tidak kritikal dan syarikat senarai putih (*whitelist*) selepas pihak berkuasa berwibawa menerima bayaran fi.
 - (b) *Fast track* tanpa NCR; dan
Kelulusan segera terhadap permohonan yang telah dijalankan audit lapangan tanpa sebarang NCR.
 - (c) *Fast track* NCR telah ditutup.
Kelulusan segera terhadap permohonan yang telah dijalankan audit lapangan dan telah melakukan tindakan pembetulan selaras dengan prosedur Pensijilan Halal Malaysia.
- (6) Pelaksanaan ISPHM hendaklah menjadi kuasa mutlak pihak berkuasa berwibawa. Pihak syarikat dan/ atau pemohon hendaklah tidak berhak untuk memohon pelaksanaan ISPHM ke atas mana-mana permohonannya kepada pihak berkuasa berwibawa;
- (7) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menawar, melaksana, meminda prosedur pelaksanaan ISPHM berdasarkan keperluan semasa;
- (8) Permohonan SPHM syarikat dan/ atau pemohon hendaklah tidak layak melalui prosedur ISPHM sekiranya tiada rekod pemantauan dan/ atau pengauditan dalam tempoh sah laku SPHM; dan
- (9) Permohonan yang mendapat kelulusan secara ISPHM hendaklah tertakluk kepada prosedur pemantauan oleh pihak berkuasa berwibawa setelah memperolehi SPHM.

58. SERTU

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah melaksanakan sertu sekiranya berlaku pencemaran dengan najis *mughallazah*;
- (2) Pelaksanaan sertu hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Sertu Dari Perspektif Islam keluaran JAKIM bagi memenuhi keperluan Pensijilan Halal Malaysia;
- (3) Mana-mana tempat, bahagian, ruang, anggota tubuh badan, pakaian, bekas, peralatan, kelengkapan termasuklah pengangkutan yang terkena dan

tercemar dengan najis *mughallazah* hendaklah dibasuh tujuh (7) kali di mana salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Basuhan air yang pertama hendaklah dicampur dengan tanah, kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak atau bersih;

- (4) Syarikat dan/ atau pemohon boleh menjalankan sertu secara dalaman atau sendiri sekiranya mempunyai prosedur lengkap pelaksanaan sertu yang telah disahkan oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (5) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mengarahkan syarikat dan/ atau pemohon menjalankan sertu dan pelaksanaan sertu tersebut hendaklah dikawal selia serta disahkan oleh pihak berkuasa berwibawa atau lain-lain pihak yang dibenarkan sahaja; dan
- (6) Rekod dan laporan pelaksanaan sertu hendaklah disimpan dengan baik serta boleh dirujuk semasa pengauditan atau pemantauan Pensijilan Halal Malaysia.

59. TAULIAH PENYEMBELIH

- (1) Mana-mana individu yang menjalankan tugas sebagai penyembelih dan/ atau pemeriksa halal di rumah sembelihan yang dipersijilkan halal hendaklah memiliki Tauliah Penyembelih yang sah;
- (2) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa mengeluarkan Tauliah Penyembelih dengan mematuhi Prosedur Pengeluaran Tauliah Penyembelih Jabatan Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan/ atau lain-lain prosedur berkaitan yang ditentukan oleh MAIN/ JAIN;
- (3) Permohonan dan pengeluaran Tauliah Penyembelih hendaklah diuruskan oleh MAIN/ JAIN seluruh negeri;
- (4) Tauliah Penyembelih hendaklah dipamer atau ditunjukkan sekiranya diminta oleh pihak berkuasa berwibawa;
- (5) Tauliah Penyembelih hendaklah tidak diubahsuai, dipinda, dipindah milik, disalah guna atau membenarkan pihak lain menyalahgunakan Tauliah Penyembelih tersebut; dan
- (6) Tauliah Penyembelih hendaklah tidak sah digunakan sebagai dokumen untuk menjual atau mengedar atau mempromosi sembelihan halal dari premis berkaitan.

60. PENGEMASKINIAN MAKLUMAT MYeHALAL

- (1) Pemegang SPHM boleh mengemaskini maklumat berkaitan pengeluar atau pembekal bahan mentah dengan mengemukakan permohonan rasmi kepada urus setia Panel Halal Malaysia yang memutuskan kelulusan permohonan SPHM tersebut;
- (2) Pengemaskinian maklumat berkaitan pertukaran atau penambahan atau pengguguran pembekal hendaklah hanya dibenarkan bagi bahan mentah atau ramuan sedia ada; dan
- (3) Penambahan maklumat bahan mentah atau ramuan hendaklah hanya dibenarkan bagi pemegang SPHM di bawah skim premis makanan dan terhad kepada 10 bahan mentah atau ramuan sahaja.

61. NOTA KONSAINAN

- (1) Mana-mana pihak yang berhasrat mendapatkan nota konsainan hendaklah mengemukakan permohonan melalui e-mel dan menyerahkannya kembali kepada JAKIM; (Rujuk LAMPIRAN H) dan
- (2) Nota konsainan hendaklah diserahkan kepada pemohon secara serahan tangan atau pos berdaftar setelah bayaran fi nota konsainan diterima oleh JAKIM.

62. KUASA MEMBUAT PROSEDUR

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berkuasa menambah, mengubah dan membatalkan apa-apa peraturan, syarat, keperluan dan prosedur sebagaimana yang sesuai manfaat atau perlu bagi menjalankan Manual Prosedur ini dengan lebih baik;
- (2) Sebarang perkara berkaitan Prosedur 62 (1) hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada JAKIM bagi tujuan kesahan dan/ atau penyelarasan; dan
- (3) Sebarang peraturan, syarat, keperluan dan prosedur terkini hendaklah dikuatkuasa dan dimaklumkan melalui Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia dan/ atau hebahan melalui portal rasmi pihak berkuasa berwibawa sebelum ia dikuatkuasakan.

63. KEWANGAN ISLAM

Syarikat dan/ atau pemohon SPHM disaran menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam urusan perbankan, takaful, pasaran modal, pelaburan dan lain-lain yang berkaitannya daripada mana-mana institusi kewangan Islam. (Rujuk LAMPIRAN I)

64. KERAHSIAAN

- (1) Segala dokumen, rekod, maklumat yang berkaitan permohonan dan aktiviti Pensijilan Halal Malaysia adalah SULIT dan hendaklah menjadi tanggungjawab pihak syarikat dan/ atau pemohon, pegawai atau kakitangan pihak berkuasa berwibawa untuk menjaga kerahsiaan dan tertakluk kepada perundangan berkaitan;
- (2) Maklumat mengenai syarikat dan/ atau pemohon yang diperolehi daripada sumber pihak ketiga (contohnya pengadu atau pihak berkuasa) hendaklah dikategorikan sebagai SULIT; dan
- (3) Pihak berkuasa berwibawa boleh mendedahkan maklumat berkaitan syarikat dan/ atau pemohon sekadar yang wajar bagi tujuan perundangan dan capaian umum.

65. BERKECUALI

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan kesaksamaan dalam segala urusan Pensijilan Halal Malaysia dan tidak akan membenarkan sebarang bentuk tekanan komersial, kewangan, politik atau lain-lain tekanan untuk berkompromi;
- (2) Pegawai atau kakitangan pihak berkuasa berwibawa dan jawatankuasa yang boleh mempengaruhi aktiviti Pensijilan Halal Malaysia hendaklah bertindak secara berkecuali; dan
- (3) Keputusan Pensijilan Halal Malaysia hendaklah berdasarkan kepada bukti objektif pematuhan dan ketidakakuran yang diperolehi daripada aktiviti Pensijilan Halal Malaysia dan keputusannya tidak dipengaruhi oleh kepentingan lain atau oleh pihak lain.

66. ADUAN

- (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah menyediakan dan melaksanakan tatacara yang direkod dan didokumentasi bagi aduan dan masalah yang dilaporkan berkaitan dengan permohonan Pensijilan Halal Malaysia, pemalsuan logo halal, keraguan status halal dan haram, pelanggaran prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan seumpamanya;
- (2) Pihak-pihak yang berkenaan hendaklah membuat aduan secara rasmi kepada pihak berkuasa berwibawa melalui surat, telefon, e-mel, dalam talian (*online*), borang aduan dan lain-lain kaedah yang disediakan oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (3) Pihak berkuasa berwibawa boleh memaklumkan kepada pengadu berkenaan keputusan atau tindakan yang telah diambil terhadap aduan yang diterima.

67. BANTAHAN

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon boleh mengemukakan bantahan berkaitan Pensijilan Halal Malaysia bermula dari proses permohonan sehingga sebelum keputusan Panel Pengesahan Halal Malaysia dikeluarkan;
- (2) Bantahan yang dikemukakan boleh mempengaruhi tempoh masa proses permohonan; dan
- (3) Keputusan terhadap bantahan adalah muktamad.

68. RAYUAN

- (1) Syarikat dan/ atau pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan Panel Pengesahan Halal Malaysia boleh merayu kepada pihak berkuasa berwibawa mengikut prosedur dan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (2) Rayuan yang dikemukakan hendaklah berkaitan prosedur serta aktiviti Pensijilan Halal Malaysia dan tidak melibatkan isu berkaitan kesalahan undang-undang serta piawaian halal;
- (3) Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan Panel Pengesahan Halal Malaysia dikeluarkan. Sebarang rayuan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut hendaklah tidak akan dilayan;

- (4) Syarikat dan/ atau pemohon hendaklah mengemukakan rayuan melalui setiausaha Panel Rayuan Pengesahan Halal Malaysia untuk semakan dan saringan. Hanya permohonan rayuan yang memenuhi kriteria, layak untuk dibawa ke Panel Rayuan Halal Malaysia;
- (5) Keputusan Panel Rayuan Halal Malaysia hendaklah dimaklumkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan dibuat; dan
- (6) Keputusan Panel Rayuan Halal Malaysia adalah muktamad dan sebarang rayuan semula hendaklah tidak dilayan.

69. PENGECUALIAN

- (1) Walau apapun peruntukan dalam Manual Prosedur ini, pihak berkuasa berwajib hendaklah berkuasa mengecualikan mana-mana peruntukan dalam Manual Prosedur ini jika difikirkan perlu dan munasabah; dan
- (2) Sebarang perkara berkaitan sub prosedur 69 (1) hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada JAKIM bagi tujuan kesahan dan/ atau penyelarasan.

70. NASKHAH SAHIH

Sekiranya terdapat kekeliruan dan/ atau percanggahan maksud Manual Prosedur ini, maka Manual Prosedur dalam Bahasa Melayu hendaklah menjadi rujukan sah dan muktamad.

71. PEMBATALAN

Apabila Manual Prosedur ini mula berkuat kuasa, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 hendaklah terbatal.

BAHAGIAN XV LAMPIRAN

LAMPIRAN A - NAMA DAN JENAMA TIDAK HALAL ATAU SINONIM PRODUK TIDAK HALAL ATAU MENGELIRUKAN

- (1) Nama syarikat, produk, menu (termasuk keterangan) dan jenama hendaklah tidak merujuk kepada perbendaharaan tidak halal dan sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan seperti jadual di bawah.

<p>A</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Absinthe ▪ Aguardiente ▪ Akvavit/ aquavit ▪ Ale ▪ Amontillado ▪ Amaretto ▪ Angostura ▪ Anisette ▪ Aperitif ▪ Aperol ▪ Applejack ▪ Appletini ▪ Armagnac ▪ Arrack ▪ Awamori <p>B</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Baa/ B'a ▪ Baijiu ▪ Bak Kut Teh ▪ Bacon/ Bacon ▪ Bahar ▪ Barenfang/ Barenjäger ▪ Bellini ▪ Benedictine ▪ Bilibili ▪ Bir/ Beer (Root Beer) ▪ Bitters ▪ Bloody Mary ▪ Boukha ▪ Boulevardier ▪ Borovička ▪ Brandi/ Brandy ▪ Brantwein ▪ Brennivín ▪ Brem ▪ Bourbon/ Bourbon ▪ Burgundy ▪ Burukutu <p>C</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Cabernet Sauvignon ▪ Cachaca ▪ Calvados ▪ Campari ▪ Cauim ▪ Cava DO ▪ Cedratine 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Chacolí ▪ Chambord ▪ Champagne ▪ Char Siew/ Char Siu/ Chasu/ Cha Sio/ Chashao ▪ Chartreuse ▪ Chee Cheong Fun ▪ Chica ▪ Chimichurri ▪ Chipolata ▪ Chorizo ▪ Choujiu ▪ Claret ▪ Cognac ▪ Cointreau ▪ Coney Dog ▪ Creme de menthe ▪ Cynar <p>D</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Daiquiri ▪ Dunkel/ Dunkles ▪ Dutch Gin <p>E</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Erguotou ▪ Eau-de-vie <p>F</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Feni ▪ Fino ▪ Framboise ▪ Frangelico <p>G</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Galliano ▪ Gaoliang ▪ Genever ▪ Gimlet ▪ Gin ▪ Ginebra ▪ Ginjinha ▪ Glayva ▪ Gouqi jiu ▪ Grand Marnier ▪ Grappa ▪ Guaro <p>H</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ham 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Helles/ Hell ▪ Himbeergeist ▪ Horilka ▪ Hot Dog ▪ Huangjiu <p>J</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jägermeister ▪ Jenever ▪ Jiuqu <p>K</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kahlua ▪ Kaoliang ▪ Kinomol ▪ Kirsch/ Kirchwasser ▪ Korn <p>L</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lady in Red ▪ Lager ▪ Lakka/ Lakkalikööri ▪ Lambrusco ▪ Lihing ▪ Likuor/ Liquor ▪ Lillet ▪ Loh Bak ▪ Lyoner <p>M</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mai Tai ▪ Makgeolli/ Makkoli ▪ Malaga ▪ Malvasia/ Malvazia ▪ Maraschino ▪ Margarita ▪ Martini ▪ Marc ▪ Mastika ▪ Mead ▪ Merlot ▪ Merisa/ Merissa ▪ Meschkinnes ▪ Metaxa ▪ Mezcal ▪ Mirin ▪ Mojito ▪ Moonshine ▪ Muscadet/ Muscatel 	<p>N</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Nasih ▪ Negroni <p>O</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Okolehao ▪ Old Pal ▪ Oloroso ▪ Orujo ▪ Ouzo <p>P</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Palinka ▪ Pastis ▪ Patxaran ▪ Peket ▪ Pina Colada ▪ Pinga ▪ Pinot Noir ▪ Pinyin ▪ Pito ▪ Pisco ▪ Pommeau ▪ Prosecco ▪ Pulque <p>R</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Raki/ Rakia ▪ Rakomelo ▪ Retsina ▪ Ron Miel ▪ Rou Gu Cha/ Ro Ku Cha ▪ Rum <p>S</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sake ▪ Sambuca ▪ Samppanja ▪ Sangria ▪ Sassolino ▪ Sazerac ▪ Schnapps/ Schnaps ▪ Scotch ▪ Seco Herrerano ▪ Shandi/ syandy ▪ Shaojiu ▪ Shochu ▪ Siew Bao ▪ Singani 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Šljivovica ▪ Soju ▪ Sonti ▪ Sotol ▪ Spirit ▪ Spritz ▪ Veneziano ▪ Stout ▪ Syeri/ Sherry ▪ Southern Comfort <p>T</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tentura/ Tintura ▪ Tequila ▪ Tesguino ▪ Thwon ▪ Todi/ Toddy ▪ Tokaji ▪ Tongba ▪ Törkölypálinka ▪ Triple Sec ▪ Tsikoudia/ Tsipouro ▪ Tsipouro ▪ Tuak ▪ Txakoli <p>U</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Umeshu <p>V</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Vermouth ▪ Vin doux naturel ▪ Vinho verde ▪ Vinsanto ▪ Vodka <p>W</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Whiskey ▪ Wine <p>X</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Xifengji ▪ Xa Xiu <p>Z</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Zivania/ zivana
---	---	---	---	--

Nota: Termasuklah lain-lain nama yang tidak halal atau sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan.

- (2) Pihak berkuasa berwibawa boleh membenarkan penggunaan nama syarikat, produk, menu (termasuk keterangan) dan jenama sekiranya disertakan dengan pernyataan tambahan atau iringan seperti jadual di bawah.


B <i>Bologna/ Boloney/ Bratwurst</i>	M <i>Madeira Red/ Mortadella</i>
G <i>Gyoza/ Jiaozi</i>	P <i>Polony</i>
K <i>Koktel/ Cocktail</i>	R <i>Ramen/ Rye</i>
L <i>Luncheon</i>	S <i>Shogayaki</i> <i>Sider/ Cider</i> <i>Sorghum</i> <i>Streaky</i>

Nota: Termasuklah lain-lain nama yang tidak halal atau sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan.


Contoh penggunaan nama dan jenama:

DILARANG	DIBENARKAN
<i>Ramen</i>	<i>Carbonara Ramen</i>
<i>Luncheon meat</i>	<i>Chicken Luncheon Meat</i>
<i>Cocktail</i>	<i>Beef Sausage Cocktail</i>
<i>Polony</i>	<i>Chicken Chilli Polony</i>
<i>Shogayaki</i>	<i>Beef Shogayaki</i>
<i>Gyoza</i>	<i>Chicken Gyoza</i>
<i>Mortadella</i>	<i>Beef Mortadella</i>

- (3) Pihak syarikat dan/ atau pemohon hendaklah merujuk kepada pihak berkuasa berwibawa untuk mendapatkan ketetapan penggunaan nama syarikat, produk, menu dan jenama jika ia berkaitan dengan sebarang perbendaharaan tidak halal dan sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan.

LAMPIRAN B - CIRI-CIRI PENENTUAN DAPUR HOTEL

Jadual B1: Dapur hotel yang mengandungi beberapa dapur kecil di dalam dapur utama, berkongsi fasiliti di dalam dapur tersebut dan menggunakan laluan keluar masuk (*entry access*) yang sama. Dikira sebagai satu (1) dapur hotel.



Jadual B2: Dapur hotel yang mengandungi beberapa dapur kecil di dalam dapur utama, berkongsi fasiliti di dalam dapur tersebut dan turut memiliki dapur lain yang menggunakan laluan keluar masuk (*entry access*) yang khusus. Dikira sebagai dua (2) dapur hotel.

LAMPIRAN C - GARIS PANDUAN PARAMETER PELALIAN (*STUNNING*)

Jenis Haiwan	Arus Elektrik (<i>Ampere</i>)	Jangka Masa (saat)
Anak biri-biri	0.50 - 0.90	2 - 3
Kambing	0.70 - 1.00	2 - 3
Biri-biri	0.70 - 1.20	2 - 3
Anak lembu (<i>calf</i>)	0.50 - 1.50	3
Anak lembu (<i>steer</i>)	1.50 - 2.50	2 - 3
Lembu betina	2.00 - 3.00	2.5 - 3.5
Kerbau	2.50 - 3.50	3 - 4
Burung unta	0.75	10

Nota: Nilai arus elektrik dan jangka masa ditentukan dan disahkan oleh organisasi/ syarikat dengan mengambil kira jenis dan berat haiwan serta pelbagai faktor lain.


Jadual C1: Garis Panduan Parameter Pelalian (*Stunning*) Jenis Elektrik

Jenis Haiwan	Berat (kilogram)	Arus Elektrik (<i>Ampere</i>)	Voltan	Jangka Masa (saat)
Ayam	2.40 - 2.70	0.20 - 0.60	2.50 - 10.50	3 - 5
Lembu jantan	300 - 400	2.50 - 3.50	300 - 310	3 - 5

Nota: Nilai arus elektrik, voltan dan jangka masa ditentukan dan disahkan oleh organisasi/ syarikat dengan mengambil kira jenis dan berat haiwan serta pelbagai faktor lain.

Jadual C2: Garis Panduan Parameter Pelalian (*Stunning*) Jenis Elektrik Bagi Ayam dan Lembu Jantan

LAMPIRAN D - CARTA ALIR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA



LAMPIRAN E - ALAMAT PERHUBUNGAN PIHAK BERKUASA BERWIBAWA

JAKIM DAN JAIN SELURUH MALAYSIA		
1	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 6 & 7, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No.3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.	Tel. : 03 8892 5000 Faks. : 03 8892 5005 E-mel : pr_halal@islam.gov.my Portal : http://www.halal.gov.my
2	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Pahang, Jalan Masjid, 26600 Pekan, Pahang.	Tel. : 09 425 2162 Faks. : 09 425 2194 E-mel : pemantauan.halal@pahang.gov.my Portal : http://jaip.pahang.gov.my
3	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, No. 2A, Jalan Labrooy, Taman Pari, 30100 Ipoh, Perak.	Tel. : 05 506 0450 Faks. : 05 506 0109 E-mel : halaljaipk@gmail.com Portal : http://jaipk.perak.gov.my
4	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Kompleks Seri Iman, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu, Terengganu.	Tel. : 09 623 5268/ 5273/ 5603 Faks. : 09 632 5265 E-mel : halalm Maidam@gmail.com Portal : jheatweb.terengganu.gov.my
5	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Kompleks Islam Perlis, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.	Tel. : 04 979 4419/ 4420 Faks. : 04 976 1344 E-mel : jaips@perlis.gov.my Portal : https://www.perlis.gov.my/jaips
6	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 5, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, No.2, Persiaran Masjid, 40676 Shah Alam, Selangor.	Tel. : 03 5514 3696 Faks. : 03 5519 6351 E-mel : halal@jais.gov.my Portal : http://www.jais.gov.my
7	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Tingkat 3, Jalan Yam Tuan, 70990 Seremban, Negeri Sembilan.	Tel. : 06 766 4221 Faks. : 06 766 4220 E-mel : halalnegeri9@ns.gov.my Portal : http://jheains.ns.gov.my
8	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 Johor Bharu, Johor.	Tel. : 07 228 2943/ 07 228 2901 Faks. : 07 227 6041 E-mel : pengurusanhalaljohor@gmail.com Portal : http://jainj.johor.gov.my
9	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Kompleks Islam Darulnaim, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan.	Tel. : 09 747 5565 Faks. : 09 747 1079 E-mel : jaheaik@kelantan.gov.my Portal : http://www.jaheaik.gov.my
10	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Bangunan Wan Mat Seman, Jalan Raja, 05676 Alor Setar, Kedah.	Tel. : 04 774 5515/ 5525 Faks. : 04 733 8333 E-mel : halalkedah@gmail.com Portal : http://www.jaik.gov.my/
11	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang,	Tel. : 04 250 5451 Faks. : 04 250 5452 E-mel : ehalal@penang.gov.my

	Tingkat 44, Menara KOMTAR, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang.	Portal : http://jaipp.penang.gov.my
12	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Melaka, No. 53-1, 55 Jalan KPAA 2, Kompleks Perniagaan Al-Azim, 75150 Jalan Bukit Baru, Melaka	Tel. : 06 333 3333 Faks. : 06 288 2353 E-mel : halalmelaka@yahoo.com Portal : http://www.jaim.gov.my
13	Urusetia Makanan Gunaan Islam, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Tingkat 9, Blok B, Wisma MUIS, Jalan Sembulan, Peti Surat 11666, 88818 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel. : 088 262 073 Faks. : 088 239 415 E-mel : mgisabah@gmail.gov.my Portal : http://www.jheains.sabah.gov.my
14	Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Sarawak, Aras 14, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Lorong P.Ramlee Off Jalan P.Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak.	Tel. : 082 507 077/707 Faks. : 082 507 241 E-mel : halaljais.sijil@sarawak.gov.my Portal : https://jais.sarawak.gov.my
15	Cawangan Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur.	Tel. : 03 2274 9333 Faks. : 03 2273 1575 E-mel : Portal : http://www.jawi.gov.my

LAMPIRAN F - RINGKASAN BAHAN MENTAH ATAU RAMUAN




BIL.	RAMUAN	NAMA PENGELUAR	SIJIL HALAL & TARIKH LUPUT	STATUS RAMUAN
1.	Pure Sesame Oil	Syarikat ABC	JAKIM 22/6/2018	RAMUAN SEDIA ADA (nyatakan nombor permohonan yang masih sah sijil yang menggunakan ramuan yang sama) *Jika ramuan yang sama digunakan dalam permohonan terdahulu atau mana-mana permohonan sedia ada yang telah dapat sijil halal.
2.	Glucose Syrup	Syarikat DEF	JAHEAT 22/6/2018	RAMUAN BAHARU *Jika ramuan ini tidak digunakan dalam permohonan terdahulu atau mana-mana permohonan sedia ada yang masih sah sijil halal.
3.	Asam Jawa	Syarikat GHI	JAIS 22/6/2018	TUKAR PENGELUAR *Jika pengeluar terdahulu ditukar dengan pengeluar baharu.
5.	Gula Putih Bertapis	Syarikat JKL	JAIP 22/6/2018	TAMBAH PENGELUAR *Jika pengeluar baharu ditambah bagi ramuan yang sama.

Jadual F: Ringkasan Bahan Mentah atau Ramuan

Nota:

- (1) Pemohon dikehendaki menyediakan ringkasan ramuan seperti contoh Jadual 1 di atas untuk kesemua bahan mentah atau ramuan yang digunakan. Bandingkan setiap bahan mentah atau ramuan dengan senarai bahan mentah atau ramuan yang telah diisytiharkan pada permohonan terdahulu (sertakan nombor permohonan).
- (2) Nyatakan status bagi setiap bahan mentah atau ramuan mengikut status bahan mentah atau ramuan seperti yang berikut:
 - (a) RAMUAN SEDIA ADA;
 - (b) RAMUAN BAHARU;
 - (c) TUKAR PENGELUAR; atau
 - (d) TAMBAH PENGELUAR.

LAMPIRAN G - SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA

No. Standard : Standard No.:		No. Siri : A 00763 Serial No.:
KERAJAAN MALAYSIA GOVERNMENT OF MALAYSIA Sijil Pengesahan CERTIFICATE OF AUTHENTICATION HALAL <i>Adalah dengan ini diperakukan: It is hereby certified that:</i>		
CONTOH		
<i>yang dikeluarkan / diedarkan / diuruskan oleh: Manufactured / distributed / managed by:</i>		
 <i>telah mematuhi hukum Syarak dan Standard Halal Malaysia dan diluluskan oleh Panel Pengesahan Halal</i> <i>has complied with Islamic Law and Malaysian Halal Standard and approved by Halal Certification Panel of</i>		
No. Ruj: / Ref No.:		
Tarikh dikeluarkan / Date of issue :		
Sah sehingga / Valid until :		
Tarikh awal pengeluaran / 1 st date of issue :		
		Ketua Pengarah / Director General JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA

LAMPIRAN H - TEMPLAT NOTA KONSAINAN

Ref :
Date :

LETTER OF HALAL CERTIFICATION FOR EXPORT

It is hereby verified that the product described below were manufactured in accordance with the Islamic rites and have been approved HALAL by the **Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM)** and _____ (the manufacturer) has obtained Malaysia Halal Certificate.

2. Statement of products :

Consignor Name:					
Address:					
Manufacturer :					
Country of Origin:					
Consignee Name					
Address:					
Invoice No.:					
Date :					
Order No.:					
Shipment :					
Vessel/Transport No:					
Source of Raw Material /Abattoir :					
Establishment No.:					
Slaughter Date :					
Slaughtering Period/Expiry Date:					
Ref. No. of Halal Certificate :					
Serial No. of Halal Certificate :					
Container No:					
Seal No.:					
Shipping Exit:					
Description of Product:	Net Weight	Gross Weight	Production Date	Expiry Date	No. of Cartons
1.					
2.					
3.					
4.					

Signature :
Name :

LAMPIRAN I – PRODUK DAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM

SOLUSI KEWANGAN ISLAM

MANFAAT YANG DIPEROLEH

<p>MENARIK PELABUR TAMBAHAN Pelabur yang mementingkan etika dan kepatuhan Syariah</p>	<p>MENGUKUHKAN JENAMA SYARIKAT Menunjukkan penggunaan konsep halalan-toyyiban* <i>Patuh Syariah pada seluruh rantaian perniagaan (termasuk kewangan)</i></p>	<p>MENINGKATKAN JUALAN Tarikan kepada pelanggan yang lebih luas (contoh: pelanggan yang mementingkan etika)</p>
	<p>PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEBIH BAIK Tiada kejutan kewangan seperti kadar faedah berkompauan</p>	

PENYELESAIAN PERBANKAN ISLAM DIHASILKAN UNTUK MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN BISNES ANDA



PERLINDUNGAN TAKAFUL YANG KOMPREHENSIF UNTUK PERNIAGAAN DENGAN PERSIJILAN HALAL

- Takaful untuk harta benda**
Melindungi kehilangan dan kerosakan harta, kelengkapan dan alatan perniagaan dan stok dalam dagangan (termasuk transit dan semasa dibangunkan)
- Perlindungan kehilangan atau kekurangan keuntungan disebabkan gangguan di dalam urusan perniagaan (akibat daripada kemusnahan/ kerosakan disebabkan kebakaran atau kerosakkan jentera)**
- Perlindungan kehilangan wang perniagaan (dalam bangunan perniagaan dan semasa transit bank)**
- Perlindungan kerosakan atau kerugian disebabkan ketidakjujuran pekerja**
- Perlindungan harta benda semasa dalam transit (termasuk eksport dan import)**
- Takaful Key Man : Perlindungan individu penting dalam perniagaan**
- Perlindungan perniagaan daripada liabiliti akibat kecuaihan yang menyebabkan kehilangan/kerosakan harta benda atau kecederaan fizikal kepada:**
 - Pihak ketiga dalam dan luar urusan perniagaan
 - Pengguna semasa menggunakan produk yang dikeluarkan.
 - Pekerja semasa menjalankan tugas.
- Manfaat pekerjaan untuk pekerja**
 - Takaful Perlindungan Diri (Berkelompok)
 - Takaful Rawatan Hospital dan manfaat kesihatan lain
 - Perlindungan Term Takaful
- Takaful Motor**

AHLI-AHLI BANK AIBIM



www.aibim.com | +603-2026 8002/8003

AHLI SYARIKAT PENGENDALI TAKAFUL



www.malysiantakaful.com.my | +603-2031 8160



Jawatankuasa Kerja Pembangunan
Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

Penaung:

Dato' Paimuzi b. Yahya
(Ketua Pengarah JAKIM)

Penasihat:

Hajah Hakimah bt. Mohd Yusoff (Timbalan Ketua Pengarah JAKIM)
Dato' Dr. Sirajuddin b. Suhaimee (Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM)
Bukhari b. Md Akhir (Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAKIM)

Ahli Jawatankuasa:

Nama	Organisasi
Muhammad Hawari b. Hassan (Pengerusi)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Muhamad Hannan Syafiq b. Jamaludin (Setiausaha)	
Mohamad Syukry b. Sulaiman	
Mek Som @ Rashidah bt. Che Wil	
Zuraiza bt. Husin	
Mohd Nasir b. Sulaiman	
Mohamed Reza b. Hussain	
Muhamad Samir b. Sulaiman	
Johari b. Ab. Latiff	
Roshayati bt. Mat Zin	
Siti Ayisah bt. Surif	
Mahfudzah bt. Mohamad	
Vivi Saliza bt. Sunaini	
Asiah bt. Alkharib Shah	
Noorasikin bt. Yaacob	
Hasmuna bt. Osman	
Mohamad Zukrillah b. Ismail	
Farah Azura b. Khalil	
Mohd Asyraf b. Ibrahim	
Khairunnisa bt. Che Omar	
Khairul Anuar b. Selamat	
Nik Mohamad Zawawi b. Ibrahim	Jabatan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Yang Zulhilmi b. Mohamad	
Badiuzzaman Akmal b. Ramly	
Nor Hidayah bt. Ali Khan	Jabatan Agama Islam Selangor
Wan Najmiah bt. Wan Mohd Ali	
Ahmad Solihin b. Maryakon	
Abdul Hadi b. Abdullah	

Norakmal b. Mohamad	
Mohd Hata b. Ahmad	
Shazlina b. Abd. Rashid	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Zulhisyam b. Zainol	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Mojtahidin b. Isa	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Sahzul Hisam b. Samsuri	
Mohd Zulkifli b. Saidi	
Muhammad Muhayudeen b. Musa	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM
Kamal b. Karim	
Mohd Faris Helmi b. Ab Rahim	
Dr. Mohammad Razli b. Abdul Razak	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Wan Othman bi. Wan Ismail	Bahagian Regulatori Farmasi Negara, KKM
Mohd Nasrul b. Mohamad Noor	
Fakheezah bt. Borhan	Jabatan Standard Malaysia
Salbiah bt. Yaakop	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, KKM
Ahmad Syukry b. Ibrahim	Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia
Lilywati bt. Arshad	The Cosmetic, Toiletries And Fragrance Association
Nur Liyana bt. Ithnin	
Syahira Ahmad bt. Tharmitzi	Nippon Express Malaysia Sdn. Bhd.
Rosedalina bt. Ibrahim	Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd.
Muhammad Hafif b. Hanaffi	Pharmaniaga Sdn. Bhd.
Ir. Mohd. Azmi b. Ali	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
Aslinda bt. Rifin	Persatuan Hotel Malaysia
Yusirah bt. Abu Bakar	